



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000 (Ruangan 1)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000 (Ruangan 28)

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

- Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)

- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah
	:	Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Noor Effarizan binti Mat Satib
	:	Nurziana binti Ismail
	:	Azita binti Nawi
	:	Nik Elyana binti Ahyat
	:	Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Jumaat, 29 Oktober 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**Bacaan Kali Yang Kedua**

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama [Tun Dato' Daim bin Zainuddin]: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bertajuk satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2000 dan bagi peruntukan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya dilantik menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1984, tanda-tanda kemelesetan ekonomi mula dirasai. Keperitan dialami apabila ekonomi menguncup pada tahun 1985. Semasa membentang Belanjawan 1987, saya mengajak rakyat Malaysia yang sudah biasa dengan kesenangan untuk menghadapi realiti. Banyak syarikat terpaksa gulung tikar, menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan. Kerajaan dan pihak swasta mengambil langkah penjimatan. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi memulihkan ekonomi. Tentunya yang masih ingat Skim Perkhidmatan Sambilan, satu usaha kerajaan bagi membantu lepasan universiti kerana berpuluh-puluh ribu yang tidak mempunyai pekerjaan. Namun, dengan kebijaksanaan perlaksanaan dasar yang berkesan kerajaan berjaya memulihkan ekonomi dalam masa yang singkat. Berkat usaha yang tangkas dan berkesan, ribut kemelesetan ekonomi telah berakhir. Pemulihan diikuti dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada kadar purata lebih 9% setahun. Ini dinikmati setiap tahun berturut-turut selama 10 tahun.

Krisis ekonomi berulang setelah pedagang mata wang menyerang Baht Thailand pada Julai 1997. Kegawatan kali ini berbeza pula sifatnya berbanding dengan kemelesetan yang kita lalui lebih sepuluh tahun dahulu. Pada masa itu, punca utama kemelesetan ekonomi disebabkan oleh harga barangan utama turun mendadak berikutan pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab. Pada masa yang sama indeks komposit pasaran saham juga merosot. Namun, kemelut ekonomi pada kali ini merupakan yang terburuk sejak Perang Dunia Kedua dan punca terutamanya daripada kegiatan spekulasi pedagang mata wang yang telah membawa keruntuhan dalam pasaran saham dan mata wang negara. Apa yang lebih parah, keruntuhan ini terjadi sekali gus. Di samping itu, penguncupan pada tahun 1985 adalah jauh lebih kecil sebanyak 1.1% berbanding dengan penguncupan lebih besar 7.5% pada tahun 1998.

Bertambah malang bagi negara, usaha menangani krisis pasaran saham dan mata wang ini terhalang pula dengan Menteri Kewangan ketika itu memilih kaedah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menambahkan keperitan.

Akhirnya kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada bulan Januari 1998. MTEN yang dianggotai wakil pelbagai sektor bertujuan mencari strategi terbaik untuk menangani kesan krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Alhamdulillah, usaha-usaha ini sudah menampak hasil. Walaupun sememangnya ekonomi mula tumbuh kembali, masih banyak yang perlu dilakukan setelah pengucupan 7.5% tahun lalu. Dalam konteks ini, saya percaya apa sahaja strategi dan langkah yang digariskan dalam Belanjawan ini pihak pembangkang sudah tentu akan melabelnya sebagai 'Belanjawan pilihan raya'.

Sesungguhnya, jangkaan saya ini telah pun dilaungkan oleh pihak pembangkang pada minggu yang lepas. Mereka meragui tanda-tanda pemulihan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *statistic do not lie*. Adakah mereka mahu kerajaan memutarbelitkan statistik. Mereka yang selalu membuat bohong akan terus berbohong. [Tepuk] Sememangnya menjadi modal politik parti pembangkang apa jua yang dilaksanakan oleh kerajaan dipertikaikan. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan tidak menggunakan Belanjawan bagi tujuan politik atau untuk memancing undi. Malahan pernah pada tahun 1990, kerajaan telah menunda pembentangan Belanjawan negara untuk mengadakan Pilihanraya Umum. Apabila diadakan, Kerajaan Barisan Nasional menang dengan majoriti yang besar. Ingin saya tegaskan, Belanjawan tahun ini bertujuan meletakkan asas yang kukuh bagi mencapai pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan rakyat jelata. Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang bertanggungjawab dan kita pun tidak pernah membohongi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membuat perancangan masa depan, adalah penting kita mengambil iktibar dari pengalaman dan pengajaran daripada kedua-dua krisis ekonomi yang lalu.

Semasa cadangan Belanjawan 1990 dibentang di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ekonomi masih dilanda krisis. Ketika itu negara baru memperkenalkan kawalan mata wang terpilih setelah dibincang dengan panjang lebar oleh Exco MTEN pada 26 kali mesyuarat.

Bukan Malaysia sahaja melaksanakan kawalan mata wang. Kaedah kawalan mata wang yang berbeza pernah dikenakan oleh beberapa negara termasuk Britain, Australia, Chile dan Taiwan pada satu ketika dahulu.

Tanpa memberi peluang untuk kawalan ini menunjukkan kesan, pengkritik dengan lantang melahirkan penentangan. Mereka menyifatkan langkah ini sebagai penghalang pelabur asing masuk ke Malaysia dan menuduh Malaysia tidak lagi mengamalkan ekonomi terbuka. Saranan berkali-kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya masyarakat antarabangsa, terutamanya negara maju dan kuasa-kuasa besar mengenakan peraturan ke atas kegiatan spekulasi dana pelindung nilai dan pedagang mata wang, tidak langsung dihiraukan, malahan mendapat tentangan hebat.

Setelah setahun berlaku, pengkritik yang begitu lantang di Barat kini mengakui kejayaan langkah-langkah ini. Pengarah Urusan IMF sendiri telah memuji Malaysia di atas kejayaan kita memulihkan ekonomi negara. Jika dahulunya pihak IMF dan *World Bank* begitu menentang langkah-langkah ini, namun hari ini pandangan mereka lebih positif. Menteri Kewangan Jepun, Kiichi Miyazawa juga mensifatkan langkah tersebut sebagai berjaya. Bagaimanapun, pengkritik tempatan dan wartawan asing terus menafikan kejayaan kita walaupun terdapat petunjuk-petunjuk pemulihan yang begitu jelas sekali. Malangnya antara mereka yang paling sinis terhadap langkah-langkah kerajaan adalah rakyat Malaysia sendiri yang bersubhat dengan pihak asing, yang tidak senang dengan kejayaan kita. [Tepuk]

Walaupun negara-negara maju telah mengakui kegiatan spekulasi dana lindung nilai dan pedagang mata wang boleh menggugat kestabilan, kita masih sangsi terhadap kesetiaan negara-negara maju untuk mewujudkan peraturan bagi memantau dan mengawasi aliran modal antarabangsa. Kita juga kesal, tidak satu negara ASEAN pun yang telah terjejas teruk dalam krisis kewangan dimasukkan dalam Kumpulan G20 yang akan

membincangkan architecture baru sistem kewangan antarabangsa. Ini jelas menunjukkan negara-negara maju tidak menghiraukan negara membangun tetapi lebih mengutamakan kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, kita perlu menggubal dasar dan strategi pembangunan ekonomi berasaskan sosio politik negara. Kita mempunyai alasan kukuh mengapa tidak memohon bantuan IMF. Kita tidak mahu nasib kita ditentukan oleh orang asing, kita tidak mahu kesemua hak milik kita dalam bank-bank tempatan dan juga syarikat-syarikat strategik, kita tidak mahu melihat bumiputera dipinggir semula dan tidak rela melihat arah politik kita ditentukan oleh tekanan pihak asing. [Tepuk]

Jika kita mengikut dasar yang disarankan oleh pihak luar dan bukan yang direncanakan oleh kita sendiri, tanpa mengambil kira keadaan sosio politik negara, akhirnya kita juga akan menanggung kesan daripada salah perkiraan kita sendiri. Sekiranya tersalah perhitungan, kita boleh kehilangan hak kebebasan mentadbir ekonomi kita, kita mungkin terpaksa menyerah kalah.

Tuan Yang di-Pertua, maruah dan kemerdekaan kita tidak boleh dijual beli. [Tepuk] Malangnya ada pihak yang memandang ringan bahaya-bahaya ini demi mengekalkan populariti di kaca mata sesetengah kuasa Barat dan media asing. Semasa krisis melanda negara, kita membuta tuli menerima pakai dasar IMF. Langkah ini sebenarnya diambil atas desakan Bank Negara dan mereka yang mengurus ekonomi negara ketika itu.

Peruntukan pembangunan dipotong 21%, bank-bank mengenakan kadar faedah yang tinggi, kadar pertumbuhan pinjaman dihadkan kepada 20% dan kemudiannya kepada 15% bagi tahun 1998.

Di samping itu, tempoh pinjaman tak berbayar, NPL dikurangkan daripada enam bulan kepada tiga bulan. Apakah alasan IMF ketika itu? Kononnya langkah-langkah tersebut dapat memulihkan kembali keyakinan pelabur asing terhadap mata wang dan pasaran saham kita. Mereka bercakap tentang keperluan pembaharuan dan disiplin dalam pengurusan kewangan, seolah-olah kerajaan tidak berdisiplin dan tidak berwibawa dalam pengurusan kewangan negara.

Jika ini benar, bererti kita tidak mempunyai sistem kewangan dan asas ekonomi yang kukuh dan ini sudah tentu akan menggagalkan usaha kita memulihkan ekonomi.

Bagi kita, kaedah IMF jelas tidak sesuai. Akhirnya setelah membazirkan begitu banyak masa dan setelah keperitan merebak ke seluruh pelosok negara, kita mengambil keputusan menggunakan cara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk membantu syarikat-syarikat yang berdaya maju, tetapi menghadapi masalah kewangan. Pengkritik menganggap langkah-langkah ini sebagai menyelamatkan syarikat besar sahaja, anggapan ini adalah salah.

Malah ribuan syarikat kecil turut mendapat bantuan kerajaan. Langkah-langkah ini diambil untuk menyelamatkan beribu-ribu pekerja dan sumbangan syarikat-syarikat ini kepada negara amatlah besar. Tindakan ini bukanlah satu perkara baru, kerana ianya juga dilaksanakan oleh negara lain termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Australia.

Ini merupakan satu lagi bukti bahawa negara maju mengamalkan, dengan izin, *double standard* dan mempunyai agenda mereka sendiri. Bumiputera merupakan golongan penting dalam masyarakat Malaysia, malahan dasar pembangunan negara memberi penekanan kepada peranan mereka. Sebagai rakan kongsi dalam usaha pembangunan

negara, kita tidak akan bertolak ansur dengan dasar ini, memandangkan ianya bertujuan mengimbangkan ekonomi bumiputera dengan yang lain di negara ini.

Pada masa yang sama, kerajaan juga tidak mengabaikan hak dan kedudukan bukan bumiputera. Kini tanda-tanda pemulihan semakin jelas. Kita semakin yakin untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang. Kejayaan yang kita capai setakat ini sewajarnya dijadikan pendorong untuk merangsang serta memperhebatkan cita-cita dan keazaman menuju ke arah yang lebih cemerlang di alaf baru yang akan menjelang tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan belanjawan pada tahun lepas, kerajaan telah membuat ramalan bahawa ekonomi negara akan berkembang pada kadar 1% tahun ini. Kita bersyukur prestasi ekonomi adalah jauh lebih baik dari apa yang dijangkakan. Pertumbuhan ekonomi pada suku kedua tahun ini telah kembali mencatatkan pertumbuhan positif 4.1%, setelah mengalami penguncupan dalam tempoh suku tahunan selama lima kali berturut-turut sebelum ini.

Berasaskan kepada jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh sebanyak 7.6% dalam separuh kedua, tahun 1999, kadar keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar dianggar mencapai pertumbuhan positif 4.3% pada tahun ini. *[Tepuk]*

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah menghasilkan pemulihan ekonomi yang lebih kukuh jika dibandingkan dengan penguncupan ekonomi sebanyak 7.5% dalam tahun 1998. Ini merupakan pemulihan ketara sebanyak 11.8% dalam tempoh yang singkat. Sebahagian besar daripada pertumbuhan ini dirangsang terutamanya oleh kegiatan ekonomi dalam negeri. Pemulihan ketara ini telah dicapai dengan kadar inflasi yang rendah, oleh itu pendapatan sebenar rakyat telah meningkat seperti yang dicerminkan oleh pendapatan, dengan izin, *purchasing power parity* sebanyak 4.4% kepada AS\$8,604 pada tahun ini.

Jika dibandingkan dengan negara-negara yang telah terjejas oleh krisis kewangan, peningkatan ini merupakan antara yang tertinggi. Hampir semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan positif ini. Sektor perkilangan yang kini merupakan 29% daripada KDNK dijangka berkembang pesat pada kadar 8.9%. ini didorong oleh peningkatan keperluan industri berorientasikan pasaran dalam negeri dan eksport.

Sektor pertanian pula, dijangka meningkat 4.6%, hasil pertambahan pengeluaran minyak kelapa sawit. Selaras dengan pemulihan sektor-sektor ekonomi utama ini, sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 2.4%. Bagi sektor pembinaan pula yang dijangka terus menguncup, tetapi pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.6% berbanding dengan 23 % pada tahun 1998, memandangkan masih terdapat lebih kapasiti dalam sektor ini.

Prestasi perdagangan juga telah meningkat ketara dengan nilai eksport dalam Dolar Amerika meningkat sebanyak 2.1% bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini. Nilai import juga bertambah, mencerminkan peningkatan permintaan dalam negeri. Namun begitu, negara terus mencatatkan lebihan dagangan bagi tempoh 22 bulan berturut-turut sehingga Ogos tahun ini.

Pada setiap tahun, sejak tahun 1990 hingga 1997, akaun semasa imbalan pembayaran mencatat defisit. Tetapi sejak tahun 1998, memandangkan lebihan perdagangan luar negara yang amat tinggi, kita telah berjaya mencatatkan lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran yang besar.

Rizab luar negara telah meningkat dengan ketara kepada AS\$30.2 bilion pada 28 Oktober 1999 berbanding dengan AS\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998. Jumlah ini mampu untuk membiayai 6.2 bulan import tertangguh, berbanding dengan hanya 3.8 bulan pada akhir tahun 1998.

Paras rizab ini melebihi empat kali lebih tinggi dari jumlah hutang luar negara jangka pendek mencerminkan peningkatan daya tahan negara menghadapi sebarang kejutan luar. Keyakinan pelabur telah kembali meningkat. Pada 20 Oktober 1999, indeks BSKL berada pada paras 750.2 mata iaitu 185.6% lebih tinggi daripada paras 1 September 1998.

Pengeluaran pasaran kini juga telah kembali kepada paras RM502.99 bilion berbanding dengan RM181.5 bilion setahun yang lalu. Ini bermakna pengeluaran pasaran sebanyak RM321.49 bilion telah dapat diperolehi semula. Kesan keyakinan ini telah merangsang kembali keyakinan pengguna yang telah teruk terhakis semasa kemuncak krisis kewangan tahun lalu.

Tahanan inflasi dalam negeri telah dapat dibendung. Kadar inflasi terus berkurangan kepada purata 3% pada tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, berbanding 5.2% pada tempoh yang sama tahun lalu.

Secara bulanan, inflasi telah menurun daripada kadar tertinggi 6.2% pada Jun 1998 kepada 2.1% pada September 1999. Kerajaan akan terus memastikan paras inflasi kekal rendah supaya tidak membebankan rakyat. Insya-Allah!

Dari segi pasaran buruh pula, jumlah pekerja yang diberhentikan telah berkurangan dari paras tertinggi 12,335 orang pada Julai 1998 kepada 4,084 orang pada September 1999. Kekosongan jawatan pula telah meningkat daripada paras terendah 4,244 pekerjaan pada Oktober 1998 kepada 10,767 pekerjaan pada September 1999.

Bagi keseluruhan tahun ini, kadar pengangguran dijangka sebanyak 3% iaitu lebih rendah daripada paras guna tenaga penuh sebanyak 4%. Dari segi caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bilangan pencarum telah meningkat hampir satu juta orang dari September 1998 hingga September 1999. Purata caruman bulanan pula telah meningkat kepada RM1.3 bilion berbanding dengan RM1.2 bilion dalam tempoh yang sama. Petunjuk-petunjuk ini membuktikan lagi pemulihan ekonomi negara kita.

Prestasi pelaksanaan projek-projek sektor awam adalah menggalakkan. Berikutan daripada usaha pemantauan yang lebih kerap, terutamanya melalui mesyuarat mingguan oleh kementerian dan jabatan kerajaan yang dipengerusikan sendiri oleh menteri-menteri. Sehingga 16 Oktober tahun ini, sebanyak 63% daripada peruntukan perbelanjaan 1999 telah digunakan. Ini termasuklah untuk projek-projek ekonomi dan sosial seperti pertanian, kemudahan awam, pendidikan dan kesihatan. Kerajaan akan memastikan supaya peruntukan perbelanjaan ini digunakan pada tahap maksimum supaya rangsangan fiskal menghasilkan kesan positif yang diharapkan ke atas ekonomi negara.

Mengenai langkah kawalan modal, para pengkritik meramalkan akan berlaku pengaliran keluar dana yang besar pada 1 September 1999. Namun, dana bersih yang dibawa keluar pada tarikh tersebut hanya berjumlah AS\$327.9 juta. Ini merupakan satu jumlah yang kecil berbanding dengan AS\$10 bilion seperti diramalkan oleh pengkritik-pengkritik kita. Ternyata bahawa apa yang digembar-gemburkan selama ini oleh pengkritik mengenai masalah pengaliran keluar modal tidak berlaku.

Prestasi sistem perbankan semakin bertambah baik hasil dari langkah-langkah pengstrukturkan semula dan pemulihan ekonomi. Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan berada pada paras 12.7% pada September 1999 berbanding 10.6% pada September 1998, lebih tinggi daripada kadar 8% piawaian antarabangsa. NPL sektor perbankan telah menjadi lebih stabil dan pada Ogos 1999 berada pada paras 7.9 %, berasaskan klasifikasi enam bulan, berbanding 11.4 % pada Ogos 1998. Pada masa yang sama, kadar asas pinjaman bank telah berkurangan dari 11.7 % dalam bulan Ogos 1998 kepada di bawah 7 % pada masa ini.

Kerajaan telah mengambil kesempatan yang sepenuhnya daripada pemulihan ekonomi dan kestabilan semula pasaran kewangan untuk mempercepatkan usaha-usaha mengukuhkan sistem kewangan bagi mengelakkan risiko sistemik. Penubuhan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Pengstruktur Semula Hutang Korporat (CDRC) telah berjaya menangani masalah NPL, meningkatkan modal sistem perbankan dan menggalakkan penstruktur semula korporat. Sehingga 15 Oktober, Danaharta telah mengambil alih dan menguruskan NPL sebanyak RM39.3 bilion manakala Danamodal telah menyuntik sebanyak RM6.91 bilion ke dalam sepuluh institusi perbankan. Dalam tempoh yang sama, CDRC telah menerima 63 permohonan yang jumlah hutang RM35.02 bilion. Dari jumlah ini, 15 skim penyusunan semula melibatkan hutang sebanyak RM12.73 bilion telah dapat diselesaikan. Pihak Bank Dunia mengakui bahawa usaha-usaha negara memperkukuhkan sektor kewangan telah mencapai kemajuan ketara. Malahan, hasil kajian MTEN ke atas sekumpulan pengurus dana mendapati sebahagian daripada mereka berpendapat usaha kita menstruktur semula hutang korporat sebagai yang paling berjaya di rantau ini.

Para pengkritik sekali lagi telah melemparkan tuduhan bahawa CDRC ditubuhkan sebagai langkah dengan izin, *bail-out*. Tuduhan ini dalah tidak berasas. Sanggupkah kita melihat dan membiarkan syarikat-syarikat yang berpotensi, lumpuh dan menjadi muflis? Sesungguhnya, itulah yang ingin dilihat oleh golongan tertentu; pertumpahan darah, bunuh diri, beribu-ribu yang menganggur atau terpaksa tidur di kaki lima, seperti yang berlaku di setengah negara yang dilanda krisis ekonomi yang sama. Akan tetapi, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, kita telah mengambil langkah mewujudkan CDRC bagi mengelakkan kegagalan korporat dan penutupan perniagaan. Ianya juga dapat menjamin keteguhan sistem perbankan. Keadaan ini seterusnya akan menghindari kesan lebih buruk seperti pemberhentian pekerja secara beramai-ramai, meningkatkan kadar pengangguran dan menjejaskan keyakinan. Oleh itu, sekali lagi ditegaskan bahawa tindakan kerajaan adalah demi untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan semua pihak termasuklah pemodal, pekerja dan yang lebih penting, seluruh rakyat. *[Tepuk]*

Sektor korporat juga telah kembali menggiatkan semula aktiviti mereka. Pendaftaran syarikat baru meningkat kukuh sebanyak 50.3% kepada 20,350 buah syarikat dalam tempoh Januari hingga September 1999 berbanding tempoh yang sama tahun 1998. Manakala, purata pinjaman bulanan yang dikeluarkan dalam tempoh Januari hingga September 1999 adalah sebanyak RM26.4 bilion, meningkat 22.2% daripada purata pinjaman bulanan sebanyak RM21.6 bilion bagi keseluruhan tahun 1998. Purata pinjaman bulanan yang diluluskan oleh sistem perbankan pula telah meningkat sebanyak 63.3% kepada RM8.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 1999 berbanding RM5.1 bilion bagi keseluruhan tahun 1998. Dalam hal ini, kerajaan menggesa agar sektor korporat mengambil peluang dari kedudukan mudah tunai yang tinggi di pasaran kewangan untuk melipatgandakan kegiatan ekonomi bagi memperkukuhkan lagi pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ekonomi negara telah pulih dengan ketara dan pertumbuhannya akan bertambah mantap pada tahun hadapan, kita perlu berwaspada dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran luaran dan dalaman. Di antara risiko luar yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara termasuk:

- (i) kemampuan Amerika Syarikat untuk mengekalkan kepesatan pertumbuhan ekonominya mungkin terjejas sekiranya usaha membendung tekanan inflasi dilakukan dengan meningkatkan kadar faedah;
- (ii) sekiranya berlaku penurunan nilai ketara di pasaran saham Amerika Syarikat dan sekiranya Hong Kong menjual saham

- mereka secara besar-besaran, ini juga akan memberi kesan ke atas pasaran saham Malaysia;
- (iii) pemulihan ekonomi Jepun masih rapuh, sekiranya berlaku kelewatan dalam melaksanakan dasar pengembangan ekonomi, terutamanya rangsangan fiskal serta usaha untuk menangani masalah kelemahan dalam sistem kewangannya;
 - (iv) pengukuhan yen berbanding Dolar Amerika, jika berterusan, boleh melambatkan pemulihan ekonomi Jepun dan membebankan negara-negara Asia lain, termasuk Malaysia, khususnya peningkatan kos import dan beban hutang negara;
 - (v) pemulihan ekonomi serantau belum begitu mantap dan masih bergantung kepada kemampuan negara-negara yang terjejas oleh krisis kewangan menyusun semula sektor korporat dan mengukuhkan semula sektor perbankan mereka. Di samping itu, cuaca yang tidak menentu boleh menjejaskan sektor pertanian di rantau Asia Tenggara; dan
 - (vi) rantau ini juga masih terdedah kepada risiko berterusan daripada serangan spekulator mata wang seperti yang telah berlaku ke atas mata wang Baht Thailand di pasaran Hong Kong pada awal September.

Kita juga perlu memberi tumpuan bagi menangani isu-isu ekonomi dalaman dengan sebaik mungkin, bagi memperkukuhkan lagi asas-asas pertumbuhan ekonomi negara. Sesungguhnya Malaysia telah keluar dari belenggu kemelesetan, krisis kewangan yang lalu telah menyedarkan kita akan beberapa kelemahan struktur. Ekonomi negara terlalu bergantung kepada permintaan luar, manakala permintaan dalam negeri, khususnya dari sektor swasta kurang berkeupayaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Asas eksport negara pula mesti diperluaskan dan dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu sebahagian besarnya kepada barangan perkilangan, khususnya barangan elektronik dan separa konduktor. Memandangkan demikian, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan, asas-asas ekonomi kita perlu seimbang dan punca pertumbuhan dipelbagaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira persekitaran ekonomi di luar dan dalam negeri ini, kerajaan berazam untuk meneruskan dasar pragmatik bagi memperkukuhkan pemulihan ekonomi. Belanjawan pada kali ini adalah yang pertama bagi abad ke 21. Oleh itu, Belanjawan ini akan meletakkan asas serta hala tuju dasar dan strategi pembangunan negara bagi menghadapi cabaran-cabaran serta merebut peluang-peluang di alaf baru. Teras strategi Belanjawan 2000 ditumpukan kepada:

- (i) meneruskan pemulihan serta mencergaskan pertumbuhan ekonomi kepada tahap selaras dengan potensi pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan negara kepada risiko-risiko luaran;
- (iii) menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi di samping memantapkan pembangunan sektor pertanian;
- (iv) membangunkan sumber manusia dari sudut kemahiran dan pengetahuan; dan
- (v) meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta penjagaan alam sekitar.

(i) **Meneruskan Pemulihan Serta Mencergaskan Pertumbuhan Ekonomi Menggalakkan Kegiatan Sektor Swasta**

Strategi Belanjawan 2000 terus memberi tumpuan kepada usaha mempercepat pertumbuhan ekonomi, terutamanya mencergaskan permintaan dalam negeri sebagai penjana utama pertumbuhan. Sektor swasta perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan bertindak pantas untuk merencanakan kembali aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, kerajaan menyediakan persekitaran yang dapat membantu menggalakkan sektor swasta meningkatkan pelaburan serta daya saingnya, di samping menggalakkan perbelanjaan penggunaan dalam negeri.

Bagi tujuan ini, saya mencadangkan supaya mulai tahun taksiran 2000, kadar cukai pendapatan individu diturunkan [*Tepuk*] satu mata peratus bagi semua peringkat dan dengan itu, mengurangkan kadar tertinggi daripada 30% kepada 29%. [*Tepuk*] Selanjutnya, cukai pendapatan koperasi diturunkan satu mata peratus bagi semua peringkat, dan cukai pendapatan individu bukan pemastautin juga dikurangkan sebanyak satu mata peratus. Di samping itu, saya mencadangkan supaya pelepasan diri dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000. [*Tepuk*] Langkah-langkah ini akan mengakibatkan kerajaan kehilangan hasil sejumlah RM700 juta. Berikutan dari langkah ini, seramai 213,000 orang atau lebih kurang 15% daripada jumlah pembayar cukai tidak akan lagi membayar cukai. [*Tepuk*] Dengan ini, mereka yang mempunyai pendapatan bulanan kira-kira RM1,400 bagi seorang bujang dan RM2,100 bagi yang telah berkahwin dengan dua orang anak, tidak perlu membayar cukai.

Langkah yang diambil ini, menunjukkan kerajaan mengamalkan sistem percukaian yang saksama, di mana cukai dikenakan berdasarkan prinsip kemampuan membayar. Sebagai dasar, kerajaan mengamalkan sistem percukaian yang tidak tinggi. Kerajaan percaya bahawa dengan pertumbuhan ekonomi, pendapatan negara akan meningkat dan sekiranya berkemampuan, kerajaan akan mengurangkan lagi cukai pendapatan individu dan syarikat dari semasa ke semasa.

Seksyen 365 Akta Syarikat 1965 telah dihadkan pembayaran dividen kepada tidak melebihi pendapatan selepas cukai atau purata dividen bagi dua tahun sebelumnya. Semenjak ia dikuatkuasakan, terdapat banyak rayuan untuk mengkaji semula peraturan ini. Sebagai sebuah kerajaan yang terbuka, yang peka terhadap semua pandangan yang membina, kerajaan bersetuju memansuhkan sekatan tersebut, berkuat kuasa serta merta. [*Tepuk*]

Kerajaan akan menyediakan rangsangan fiskal untuk meneruskan usaha-usaha pemulihan serta mencergaskan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, sejajar dengan prinsip pengurusan kewangan berhemat, akaun semasa Kerajaan Persekutuan akan dipastikan mempunyai kelebihan atau sekurang-kurangnya berimbang, sementara defisit keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dipertahankan pada paras yang terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan prinsip ini, saya mencadangkan sejumlah RM78.03 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 2000. Jumlah ini bertambah 19.9% berbanding dengan peruntukan asal tahun 1999. Sebanyak RM53.35 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM24.67 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Dengan anggaran hasil sebanyak RM59.9 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit sebanyak RM12.97 bilion atau 4.4% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Sebanyak RM28.37 bilion daripada Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Antaranya untuk bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang terkanun. Sebanyak RM14.61 bilion adalah untuk Emolumen, RM7.56 bilion untuk

Perkhidmatan dan Bekalan, RM610 juta untuk pembelian kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM2.2 bilion bagi perbelanjaan lain termasuk bayaran balik cukai.

Daripada Perbelanjaan Pembangunan, sebanyak RM10.88 bilion atau 44.1% adalah untuk sektor ekonomi; RM7.25 bilion atau 29.4% untuk sektor sosial; RM2.63 bilion atau 10.7% untuk sektor keselamatan; dan RM2.91 bilion atau 11.8% untuk sektor perkhidmatan awam. Baki sebanyak RM1 bilion atau 4% adalah untuk simpanan luar jangka.

Perbelanjaan untuk projek pendidikan dan latihan kemahiran akan diberi keutamaan selaras dengan matlamat untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM3.7 bilion atau 15% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dicadangkan. Bagi mengatasi masalah kekurangan rumah kos rendah dan sederhana, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion atau 4.9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan disediakan. Kerajaan juga akan terus meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Untuk maksud ini, sejumlah RM908 juta dicadangkan. Bagi sektor pertanian dan luar bandar pula, sebanyak RM2.45 bilion atau 9.5% daripada jumlah peruntukan juga dicadangkan.

(ii) Memperkukuh Daya Saing dan Daya Tahan Negara

Proses globalisasi dan liberalisasi pasaran di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) memerlukan Malaysia terus mampu untuk bersaing bukan sahaja dalam pasaran barangan global tetapi juga dalam khidmat dagang serta menarik pelaburan. Sementara negara mendapat manfaat daripada proses globalisasi, kita juga perlu bersedia dan berwaspada terhadap kesan negatif yang boleh menjejaskan kepentingan negara. Bagi tujuan ini, sebuah kumpulan, dengan izin, "think tank" akan ditubuhkan untuk merangka dan menggubal pelan strategik tindakan jangka panjang. Penubuhan kumpulan ini diasaskan kepada model MTEN yang telah jelas berjaya menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi. Selain daripada pihak kerajaan, kumpulan ini akan mendapat sumbangan kepakaran daripada cerdik pandai institusi pengajian tinggi tempatan.

Sebagai langkah persediaan untuk memastikan pengeluar tempatan, terutama mereka yang telah lama diberi perlindungan tarif, mampu untuk meningkatkan daya saing, saya mencadangkan duti import ke atas 305 jenis barangan yang telah dilindungi melebihi 10 tahun, dikurangkan daripada [Tepuk] di antara 5% hingga 30% kepada di antara 0 % hingga 20%. Antara barangan yang terlibat adalah kain ela, mesin jahit, perabot, kasut kulit dan alat ganti bagi motor dan penjana elektrik. Langkah ini mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak RM141 juta.

Kerajaan akan terus memperhebatkan usaha menarik pelaburan yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan daya saing negara. Pelaburan seperti ini memerlukan galakan istimewa yang tidak dapat ditawarkan berdasarkan peraturan semasa. Sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi akan ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi membolehkan pakej galakan istimewa ini diberikan pertimbangan segera.

Kita perlu meningkatkan daya saing negara untuk menghadapi cabaran globalisasi dan pasaran dunia yang lebih terbuka. Dalam hal ini, usaha untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan perlu dijadikan sebagai satu daripada agenda utama negara. Pihak swasta mesti berganding bahu dengan kerajaan dalam usaha ini. Kerajaan akan terus memastikan bahawa sektor perkhidmatan awam akan menjadi lebih mantap, cekap dan berkesan serta meningkatkan produktivitinya. Bagi sektor swasta pula, pihak berkenaan mestilah memastikan kos perkhidmatan dan bekalan adalah rendah dan berpatutan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat yang memperoleh konsesi penswastaan kerajaan mestilah memastikan bahawa kadar tarif, caj atau kos perkhidmatan dikurangkan ke tahap rendah.

Untuk membantu mengurangkan lagi kos perniagaan, saya mencadangkan langkah-langkah percukaian berikut:

- (i) tempoh pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan bahan gunahabis yang diberi secara terpilih bagi sektor perkilangan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2000;
- (ii) galakan potongan dua kali diberi ke atas kos pengangkutan perkapalan dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia; dan
- (iii) struktur dan kadar elaun modal tahunan bagi loji dan mesin dikurangkan daripada 16 klasifikasi kepada 3 klasifikasi sahaja dengan kadar 10 %, 14 % dan 20 %.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perbankan akan terus diperkukuhkan melalui penggabungan supaya menjadi lebih dinamik dan moden untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang. Bagi menggalakkan sektor perbankan terus aktif sebagai jentera penggerak dalam merencanakan semula aktiviti ekonomi negara, sektor perbankan juga mesti efisien dalam pengeluaran pinjaman, supaya projek-projek baru dapat dimulakan secepat mungkin. Untuk tujuan ini, saya mencadangkan supaya pendapatan faedah daripada pinjaman bank yang melebihi kadar pertumbuhan pinjaman bersih 8% setahun dikecualikan cukai pendapatan, [Tepuk] dengan syarat bank berkenaan telah mencapai kadar pertumbuhan pinjaman bersih 10% ke atas setahun untuk sektor produktif bagi tahun taksiran 2000.

Sebagai langkah tambahan bagi memperkukuhkan sistem perbankan, saya mencadangkan supaya faedah tergantung, dengan izin, *interest in suspense* bagi tahun 2000 dibenarkan sebagai potongan sepenuhnya bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan syarikat.

Sistem Perbankan Islam telah mencapai kemajuan yang menggalakkan sejak ia diperkenalkan. Dalam tempoh lima setengah tahun sahaja, aset perbankan Islam meningkat kepada RM34 bilion pada akhir Jun 1999 berbanding dengan RM2.4 bilion pada tahun 1993 menakala deposit berjumlah RM26 bilion berbanding RM2.3 bilion pada tahun 1993. Baru-baru ini, kerajaan telah menubuhkan sebuah lagi bank Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad yang telah memulakan operasinya pada 1 Oktober yang lepas. Bagi membolehkan Sistem Perbankan Islam berkembang dengan lebih pesat lagi, di samping meluaskan pelaburan mengikut syariah, instrumen baru pembiayaan dengan kaedah kewangan Islam yang berdaya maju akan digalakkan. Ini adalah sejajar dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan Sistem Perbankan Islam

Salah satu produk yang diperkenalkan ialah pinjaman berterma dengan kadar terapung yang dinamakan "Pinjaman Berterma Al-Ijarah". Oleh kerana produk ini menggunakan ciri Al-Ijarah (sewaan) ianya menarik duti setem yang lebih tinggi di samping tertakluk kepada bayaran lebih daripada sekali. Bagi menjadikan produk ini berdaya saing, saya mencadangkan supaya duti setem ke atas suratcara diberikan layanan yang sama dengan suratcara yang serupa di bawah perbankan konvensional.

Selain daripada itu, saya mencadangkan supaya instrumen perbankan Islam yang lain seperti overdraf, surat kredit dan pinjaman tanpa cagaran yang pada masa ini dikenakan duti setem berkali-kali, hanya dikenakan bayaran duti setem sekali sahaja. [Tepuk]

Untuk memastikan entiti korporat yang berdaya maju dapat meneruskan perniagaan dan seterusnya menjamin pekerjaan, mereka perlu diberi bantuan sewajarnya dalam menangani masalah kewangan, terutamanya dalam menyusun semula hutang korporat. Untuk tujuan ini, saya mencadangkan supaya:

- (i) duti setem yang terlibat dalam proses penstrukturan semula hutang di bawah CDRC dan juga Danaharta dikecualikan; dan
- (ii) segala perbelanjaan yang berkaitan dengan skim penstrukturan semula hutang diberi potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan baru-baru ini telah menyedarkan kita akan pentingnya sektor korporat mempertingkatkan komitmen terhadap pengurusan yang lebih bertanggungjawab, di samping mempunyai tahap ketelusan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Mengenai Tadbir Urus Korporat telah menyediakan satu laporan menyeluruh yang mengandungi 70 perakuan utama untuk meningkatkan piawaian tadbir urus korporat dan amalan-amalan terbaik serta melindungi kepentingan pemegang saham minoriti. Setakat ini, beberapa kemajuan telah dicapai dalam melaksanakan perakuan-perakuan ini, termasuk cadangan meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan kuasa meluluskan prospektus serta meminda garis panduan terbitan/tawaran sekuriti, di samping menyusun semula syarat-syarat untuk syarikat disenaraikan di BSKL. Pindaan-pindaan ini akan juga dijadikan asas kepada penguatkuasaan Kod Tadbir urus Korporat. Piawaian tadbir urus korporat yang lebih mantap adalah penting dalam usaha mewujudkan peraturan kawal selia yang berasaskan penzahiran maklumat, dengan izin, "*disclosure based system*".

Bagi mewujudkan pasaran modal yang berdaya maju di negara ini, usaha-usaha untuk memperluas dan mempelbagaikan pasaran kewangan akan dilaksanakan. Sumber-sumber pembiayaan yang lebih seperti pasaran bon dan instrumen modal teroka, akan digalakkan. Di samping itu, untuk pembangunan jangka panjang, satu perancangan yang lebih tersusun dan bersepadu diperlukan. Bagi tujuan ini, satu Pelan Induk Pasaran Modal akan disediakan oleh Jawatankuasa Strategik Pasaran Modal yang telah ditubuhkan oleh kerajaan baru-baru ini. Pakar runding telah pun dilantik dan Pelan Induk berkenaan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh enam bulan.

Bagi menggalakkan penggabungan industri insurans dan broker saham, saya mencadangkan supaya 50% kerugian terkumpul syarikat insurans dan broker saham yang diambilalih, dibenarkan sebagai potongan kepada entiti yang mengambilalih dalam bentuk kredit cukai dan hendaklah digunakan dalam tempoh 2 tahun. Selain daripada itu, saya mencadangkan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah diberi kepada syarikat broker saham yang bergabung bermula dari 30 Oktober 1999 hingga 31 Disember 2000. Bagi syarikat insurans, pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah yang telah lulus dilanjutkan sehingga 30 September 2000.

Pembangunan pasaran bon akan terus dimajukan bagi melengkapi peranan bank sebagai pemberi pinjaman tradisi serta bagi mengurangkan pergantungan berlebihan ke atas sistem perbankan. Pergantungan berlebihan ini telah mendedahkan sistem perbankan kepada risiko sistemik. Oleh kerana keperluan pembiayaan jangka panjang sektor korporat dibiayai oleh pinjaman jangka pendek, sektor korporat telah mengalami masalah ketidaksepadanan pembiayaan atau dengan izin *financing mismatches*. Bagi membangunkan pasaran bon secara bersepadu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan dan memutuskan supaya Suruhanjaya Sekuriti menjadi pengawalselia tunggal pasaran bon korporat. Di samping itu, penyusunan semula peraturan kawalselia pasaran bon dijangka siap menjelang suku pertama tahun 2000. Bagi tujuan ini, beberapa pindaan akan dibuat kepada akta-akta berkenaan. Bagi memajukan pasaran bon, saya mencadangkan supaya duti setem dan cukai keuntungan hartanah dikecualikan ke atas instrumen dan mengeluarkan sekuriti bersandarkan aset.

Pembiayaan dalam bentuk modal teroka perlu dipertingkatkan supaya pembangunan industri-industri baru yang berteknologi tinggi boleh menjadi jentera

pertumbuhan ekonomi negara. Industri-industri ini termasuk, dengan izin, *advanced electronic, bio-technology, precision engineering, advanced manufacturing* dan teknologi maklumat (IT). Kerajaan akan terus memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat modal teroka untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Bagi tujuan ini, sebuah tabung dengan dana RM200 juta akan ditubuhkan bagi membiayai projek berteknologi tinggi. Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB) akan distruktur semula untuk menjadi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB).

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) akan memperkenalkan modal teroka secara Islam untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan bumiputera. Di samping itu, Bank Negara dan dua bank perdagangan akan menyediakan RM300 juta untuk membiayai syarikat-syarikat teroka. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya galakan tambahan diberikan kepada syarikat modal teroka (VCC) iaitu syarikat yang menanggung risiko melalui pemberian modal kepada syarikat teroka.

Galakan ini turut diberi ke atas pinjaman kepada syarikat-syarikat IT dan usaha-usaha mengkomersialkan penyelidikan pertanian oleh institusi-institusi penyelidikan tempatan seperti MARDI. Sebuah pasukan petugas khas dana ditubuhkan bagi menggiatkan usaha mengkomersialkan penyelidikan pertanian. VCC diberikan pengecualian cukai sepenuhnya ke atas semua sumber pendapatan untuk tempoh hayat dana atau 10 tahun yang mana lebih pendek. Galakan ini diberi kepada VCC yang melabur 70 peratus dananya dalam aktiviti yang digalakkan kerajaan untuk pembiayaan di peringkat awal, permulaan dan pertama.

Unit amanah anjuran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berpotensi memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan simpanan di kalangan penyimpan kecil, dan selanjutnya dapat membantu usaha menstabilkan pasaran saham melalui pelaburan portfolio. Sebagai galakan kepada unit amanah dalam meningkatkan peranan tersebut, saya mencadangkan supaya unit amanah anjuran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi pengecualian cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2000 dan 2001. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang moden dan mempunyai daya saing yang tinggi dapat meningkatkan keupayaan dan ketahanan ekonomi. Oleh itu, sektor ini akan terus diberi keutamaan supaya dapat menyumbang dengan lebih ketara kepada permintaan dalam negeri dan pasaran eksport.

Sehingga kini, sejumlah RM4.7 bilion telah diperuntukkan di bawah beberapa dana untuk membangunkan IKS. Untuk memastikan dana ini dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pengusaha serta pengagihan yang lebih saksama, syarat-syarat kelayakan akan dikaji semula. Memandangkan skim pinjaman di bawah Syarikat Jaminan Kredit (CGC) memainkan peranan yang penting dalam memudahkan peniaga kecil mendapat kemudahan pinjaman, sejumlah RM200 juta akan diperuntukkan bagi tahun 1999 dan RM100 juta lagi bagi tahun 2000. Kerajaan juga akan menyusun semula CGC untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya. Selain dari itu, sejumlah RM76.7 juga telah disediakan untuk membiayai pinjaman mudah kepada usahawan IKS, membina kemudahan infrastruktur, membangunkan teknologi dan membantu mempromosikan barangan tempatan untuk menembusi pasaran luar negara. Di samping itu, Kerajaan akan menubuhkan Tabung Pemulihan Usahawan II dengan dana sebanyak RM300 juta untuk membantu usahawan-usahawan kecil. [Tepuk]

Kerajaan akan terus berusaha membangunkan kontraktor dan usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang, khususnya di bidang perniagaan dan industri pembinaan. Sejumlah RM106.1 juga adalah disediakan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk melaksanakan Projek Pembelian Ruang Niaga, di mana

ruang-ruang niaga yang strategik akan dibeli dan disewakan kepada usahawan bumiputera untuk menjalankan perniagaan. [Tepuk]

Kerajaan sedar masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera dalam menempuh kemelesetan ekonomi. Oleh yang demikian, kontraktor bumiputera akan diberi keutamaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kerajaan. Di samping itu, untuk membantu kontraktor menyelesaikan masalah aliran tunai, kerajaan juga telah melonggarkan beberapa peraturan kontrak supaya menggantikan jaminan bank dengan wang jaminan pelaksanaan, memberi bayaran pendahuluan sebanyak 15% dan menjelaskan bayaran sebanyak 50% dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tuntutan diterima. [Tepuk]

Arus kemajuan teknologi dan inovasi yang begitu pesat berubah di peringkat global akan mempengaruhi pembangunan produk dan proses pengeluaran serta sistem pemasaran dalam negeri. Justeru itu, penggunaan teknologi baru serta mempergiatkan kerja-kerja Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) akan dipertingkatkan, memandangkan bahawa perbelanjaan bagi aktiviti P&P pada masa ini masih rendah, hanya 0.3% daripada KDNK, berbanding lebih 3% di Amerika Syarikat dan Jepun.

Bagi tahun 2000, sejumlah RM211.68 juta telah disediakan untuk program, dengan izin *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA) yang akan diagihkan kepada 36 institusi penyelidikan awam dan institusi pengajian tinggi. Keutamaan juga diberi kepada industri yang berasaskan teknologi tinggi. Sejumlah RM22.35 juta disediakan untuk program galakan sains dan teknologi serta pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian untuk menggalakkan penggunaan teknologi baru serta meningkatkan keupayaan inovasi, merekabentuk dan memasarkan teknologi tempatan ke luar negeri. Selain daripada itu, beberapa agensi lain diberi peruntukan khas bagi menjalankan kajian dan penyelidikan tertentu.

Lembaga Getah Malaysia disediakan sebanyak RM13 juta, PORIM sebanyak RM5.3 juta, FRIM sebanyak RM11.6 juta, Lembaga Koko Malaysia sebanyak RM1.7 juta dan Jabatan Galian sebanyak RM1.9 juta. SIRIM akan memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti P&P strategik untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia mempertingkatkan daya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Sebanyak RM98.1 juta disediakan untuk tujuan ini.

Selaras dengan usaha untuk mengkomersialkan kegiatan P&P, Kementerian Pendidikan mulai awal tahun 2000 akan mengadakan pameran mengenai hasil kegiatan P&P yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi awam serta lain-lain agensi penyelidikan kerajaan.

(iii) Menjadikan Sektor Perkhidmatan Sebagai Pendorong Pertumbuhan Ekonomi Di Samping Memantapkan Pembangunan Sektor Pertanian

Pada masa hadapan, sektor perkhidmatan negara khususnya pelancongan, teknologi maklumat dan pendidikan akan dijadikan pendorong pertumbuhan ekonomi, di samping menjadikan sektor pertanian sebagai pelengkap pertumbuhan ini. Potensi kedua-dua sektor ini untuk berkembang masih luas. Setakat ini, sektor perkhidmatan masih berorientasikan pasaran dalam negeri dan kurang upaya untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Kerajaan akan memastikan penggunaan khidmat profesional tempatan dipertingkatkan memandangkan pembayaran yang tinggi bagi perkhidmatan kontrak dan profesional asing berjumlah RM7.7 bilion bagi tempoh Januari hingga September tahun ini.

Di samping itu, sumbangan sektor pertanian dalam pengeluaran makanan masih kurang produktif dan perlu dipergiatkan semula. Sehubungan dengan ini, Belanjawan 2000 akan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti serta tahap kecekapan dan daya saing di sektor pertanian dan menggalakkan eksport sektor perkhidmatan.

Industri pelancongan telah memberi sumbangan yang besar kepada sumber pendapatan pertukaran wang asing dan pertumbuhan ekonomi sejak beberapa tahun yang lepas. Potensi untuk berkembang amat besar memandangkan negara mempunyai sumber semulajadi yang masih belum dimajukan untuk menarik lebih ramai pelancong. Negara mempunyai kemudahan dan produk pelancongan antara yang terbaik dan termurah di rantau ini.

Dalam tahun 2000, sebanyak RM240.5 juta telah dicadangkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dan aktiviti promosi serta galakan di dalam dan di luar negara. Dengan usaha-usaha ini, seramai 6.5 juga pelancong dijangka akan berkunjung ke Malaysia dalam tahun 2000 berbanding dengan 6 juta orang dalam tahun 1999.

Kerajaan berazam untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perdagangan dan pameran antarabangsa. Kita telah pun berjaya menganjurkan pameran antarabangsa dalam industri penerbangan dan maritim di Langkawi. Bagi menambahkan lagi kemudahan pameran, *Malaysia Airport Berhad* akan memajukan Bangunan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang sebagai sebuah Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa (*International Trade and Exhibition Centre – ITECS*), termasuk, dengan izin *aerospace park, intelligent warehouse, aviation business park, research and development and theme park*. Pelan pembangunan ITECS ini meliputi enam dewan pameran dengan keluasan 34,400 meter persegi dan dewan terbuka dengan keluasan 130,000 meter persegi. Kemudahan-kemudahan ini dijangka dapat disiapkan menjelang penghujung tahun 2000. Di samping itu, kerajaan juga akan menggalakkan penganjuran mesyuarat, seminar, konvensyen dan pameran (MICE).

Syarikat pelancongan boleh terus memainkan peranan penting bagi meningkatkan kemasukan pelancong luar negara dan juga meningkatkan minat rakyat untuk melancong dalam negeri. Sebagai galakan kepada syarikat pelancongan menyediakan pakej pelancongan yang lebih menarik, saya mencadangkan supaya pengecualian cukai pendapatan yang diberi kepada syarikat pelancongan bagi mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong luar negara atau 1,200 pelancong domestik dilanjutkan sehingga tahun 2001.

Teras pembangunan IT ialah untuk menyediakan prasarana bagi memupuk masyarakat yang berpengetahuan dan berbudaya IT. Penggunaan IT dan aplikasi teknologi multimedia akan merangsang kecekapan, produktiviti dan daya saing, terutamanya di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kerajaan telah pun meletakkan asas pembangunannya dengan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Setakat ini, 19 buah syarikat telah beroperasi di MSC. Di antara syarikat-syarikat utama termasuklah *BT Multimedia (Malaysia) Sdn. Bhd.* iaitu sebuah anak syarikat *British Telecom*, *Arthur Andersen Advanced Tech Group Sdn. Bhd.*, *British Aerospace (International) LTD.*, *STK Technology Sdn. Bhd.*, sebuah syarikat Jepun, dan *International Business Systems*, sebuah syarikat Sweden.

Kemajuan juga telah dicapai dalam melaksanakan empat *flagship* iaitu E-Kerajaan, Sekolah Bestari, Teleperubatan dan Kad Pintar. Bagi tujuan ini, sebanyak RM1.06 bilion telah diperuntukkan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7). E-Kerajaan yang merupakan salah satu *flagship* utama, di peruntukkan RM113.6 juta bagi tahun 2000. Sehingga kini, kontrak bagi tiga projek di bawah E-Kerajaan telah ditandatangani iaitu Sistem Pengesanan Projek, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia dan, dengan izin *Generic Office Environment*.

Di samping itu, E-Perolehan akan dilaksanakan bagi membuat perolehan bekalan dan perkhidmatan secara elektronik, sama ada melalui pembelian terus, sebutharga ataupun tender, untuk memastikan pesanan yang lebih teratur, pembayaran yang lebih cekap serta mengurangkan kos pentadbiran dalam urusan perolehan kerajaan. Dengan inisiatif

kerajaan untuk menerajui aplikasi IT dan insentif-insentif yang diberikan, syarikat-syarikat swasta mesitlah juga mengambil langkah-langkah yang sama dalam menggunakan aplikasi IT bagi meningkatkan daya saing mereka.

Penggunaan IT akan juga diperluaskan dengan pembangunan rangkaian jalan raya di bandar-bandar besar. Bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Lembah Klang, penyebaran maklumat yang lebih sistematik dan efisien kepada penggunaan jalan raya akan diperkenalkan melalui *Intelligent Transport System* (ITS). Di samping itu, sistem ini juga akan dapat mengurangkan kemalangan jalan raya dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

Bagi tujuan menangani masalah Y2K di sektor awam, sejumlah RM470 juta disediakan kepada 23 kementerian dan jabatan untuk menaikkan taraf atau menggantikan perkakasan, perisian dan membangunkan semula sistem aplikasi, di mana yang perlu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM405 juta dijangka dapat dibelanjakan dalam tahun 1999. Selain daripada itu, kerajaan juga telah membantu Kerajaan Negeri melalui pemberian pinjaman mudah sebanyak RM22.5 juta.

Dengan usaha-usaha ini, segala jentera pentadbiran kerajaan akan bersedia menghadapi cabaran Y2K menjelang 1 Januari tahun 2000. Sebagai tambahan, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kontingensi Kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia bagi menyelaraskan tindakan sekiranya berlaku sebarang gangguan pada hari apabila tarikh komputer diubah.

Untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam sistem pengeluaran sektor perkilangan dan perkhidmatan melalui penggunaan IT, saya mencadangkan supaya perbelanjaan operasi termasuk bayaran juruperunding yang berkaitan dengan penggunaan sistem IT dalam proses pengurusan dan pengeluaran, diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan syarikat.

Pembangunan prasarana juga akan terus diberi keutamaan, khususnya dalam pembinaan, naik taraf dan pembaikan jalan dan lebuh raya. Untuk tujuan ini, sebanyak RM5.03 bilion dicadangkan. Ini termasuk pembinaan Jalan Simpang Pulau-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, Lebuh Raya Lembah Klang Selatan, Jalan Pantai Kota Kinabalu-Sulaman, naik taraf laluan 5 antara Kapar-Sabak Bernam dan Klang-Banting, Jalan Betong-Kayu Malam serta pembaikan Jalan Kuala Kangsar-Grik.

Di samping itu, projek prasarana lain iaitu projek rel, pelabuhan dan lapangan terbang juga diberi keutamaan. Ini termasuk pembinaan landasan keretapi bagi projek sambungan rel iaitu ke Pelabuhan Pulau Indah sebanyak RM27 juta dan ke Pelabuhan Tanjung Pelepas sebanyak RM163 juta, pembinaan Landasan Berkembar Sentul-Batu Caves sebanyak RM94 juta dan Rawang-Ipoh sebanyak RM458.2 juta. Selain daripada itu, tumpuan akan juga diberi bagi meningkatkan perkhidmatan udara, pembangunan lapangan terbang baru, menaik taraf dan menambah kemudahan lapangan terbang sedia ada. Ini termasuklah projek pembangunan Lapangan Terbang baru di Tawau, Kuala Terengganu dan Limbang serta pembinaan sebuah bangunan terminal baru di Kota Baru untuk menggantikan bangunan yang sedia ada.

Pembangunan sektor pertanian pula akan dimantapkan lagi bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dasar Pertanian Negara Ketiga yang telah dirangka merupakan visi baru bagi pembangunan sektor pertanian. Ini merupakan komitmen kerajaan untuk memaksimumkan hasil pendapatan dan mengoptimumkan penggunaan sumber pertanian melalui pemodenan dan pendekatan secara komersial. Kerajaan juga akan terus mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah pemasaran dan pengedaran.

Peruntukan sebanyak RM1.05 bilion telah disediakan bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan sektor pertanian dalam tahun 2000. Ini termasuk pelbagai program

meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan infrastruktur, khidmat pengembangan, bimbingan teknikal serta pengenalan dan penggunaan teknologi baru, di samping usaha memantapkan lagi sistem dan pemasaran hasil pertanian. Dengan usaha-usaha kerajaan ini, bil import makanan dijangka dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa pengurusan sumber manusia secara efisien merupakan faktor kritikal dalam usaha untuk mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. Justeru itu, usaha akan terus diambil bagi mempertingkatkan bilangan pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan, berorientasikan teknologi dan berteknologi maklumat. Sehubungan ini, *enrolment* dalam jurusan sains dan teknologi di institusi-institusi pengajian tinggi akan ditambah. Langkah-langkah akan juga ditumpukan kepada memantapkan kualiti tenaga kerja melalui latihan dan peningkatan tahap kemahiran.

Dalam hal ini, sektor swasta digesa untuk menyokong dan melengkapkan inisiatif sektor awam. Institusi-institusi pengajian tinggi sektor swasta digesa untuk meningkatkan kualiti program pendidikan mereka. Baru-baru ini, kerajaan juga telah mengurangkan kos pengiktirafan bagi institut pengajian tinggi swasta (IPTS) oleh Lembaga Akreditasi Negara. Saya menyeru kepada pengurusan sektor swasta terutamanya, untuk mengadakan peralihan paradigma dengan meningkatkan pelaburan bagi melahirkan tenaga kerja dan pengurusan yang berpengetahuan, supaya mampu bersaing di pasaran global pada alaf akan datang.

Selanjutkannya, sebagai langkah untuk mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar IPTS, saya mencadangkan supaya kos melatih tenaga pengajar dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sains komputer dibenarkan bayaran balik melalui skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) sehingga 95 %. Untuk tujuan ini, IPTS dikehendaki menyumbang kepada HRDF. Di samping itu, satu tabung berjumlah RM200 juta akan diwujudkan di bawah Bank Industri untuk membolehkan IPTS mendapatkan pinjaman mudah bagi membiayai pembelian peralatan latihan dalam bidang-bidang tersebut.

Bagi meningkatkan jumlah keluaran dan kualiti tenaga mahir untuk memenuhi keperluan negara, sejumlah RM1.22 bilion disediakan bagi tahun 2000. Jumlah ini adalah untuk membina dan melengkapkan 8 buah Institut Kemahiran Belia Negara, 5 buah Institut Latihan Perindustrian, 4 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi, 4 buah Institut Kemahiran MARA, 3 buah Institut Kemahiran Tinggi MARA dan 5 buah Pusat GIAT MARA yang baru serta menambahkan peralatan dan kemudahan di institut-institut latihan yang sedia ada.

Pada tahun 2000, sebanyak 27 buah institut atau pusat latihan akan beroperasi dan bilangan pelatih akan bertambah dari 26,000 orang pada tahun 1999 kepada 30,300 orang. Selain daripada itu, RM145 juta disediakan untuk Tabung Pinjaman Pembangunan Kemahiran yang menyediakan pinjaman kepada pelatih-pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di institut-institut latihan awam.

Bagi maksud membiayai program pendidikan dan menyediakan prasarana pendidikan berkualiti, Kementerian Pendidikan disediakan sejumlah RM14.08 bilion bagi tahun 2000 iaitu sebanyak RM11.69 bilion bagi belanja mengurus dan RM2.39 bilion bagi belanja pembangunan.

Kerajaan amat prihatin tentang kepentingan pelajaran untuk kesinambungan generasi intelek akan datang. Pada tahun 2000, kerajaan akan melaksanakan persekolahan satu sesi dan bagi tujuan ini, langkah-langkah telah diambil untuk membina sebanyak 833 lagi buah sekolah yang terdiri daripada 371 buah sekolah baru dan 462 blok tambahan kepada sekolah-sekolah sedia ada. Pembinaan sekolah rendah, menengah, makmal komputer dan rumah guru di luar bandar terus diberi keutamaan. Sebanyak 609 buah sekolah rendah, 378 sekolah menengah dan 16,712 unit rumah guru di 558 lokasi akan dibina. Di samping itu, kerajaan akan memperhebatkan lagi program celek komputer bagi

penuntut-penuntut di sekolah luar bandar selaras dengan era IT. Kos bagi melaksanakan kesemua projek ini berjumlah RM8.8 bilion.

Tumpuan diberikan ke arah mempromosikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Langkah ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta, khususnya IPTS. "Roadshow" untuk mempromosikan pendidikan telah pun bermula di negara-negara ASEAN seperti Brunei, Thailand dan Indonesia. Usaha ini akan diperluaskan ke negara-negara lain seperti China, Timur Tengah dan Afrika.

Kementerian pendidikan akan mengendalikan sepenuhnya pengambilan pelajar matrikulasi pada tahun 2000 yang dijangka seramai 20,000 orang. Sebanyak RM179.9 juta akan disediakan bagi membiayai program ini. Bagi membolehkan institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menampung pengambilan pelajar peringkat diploma dan ijazah yang dijangka meningkat daripada 70,552 pada sesi 1999/2000 kepada 79,482 orang pada sesi 2000/2001, sebanyak RM2.26 bilion disediakan. Ini menunjukkan betapa pekanya kerajaan terhadap aspirasi rakyat dalam pendidikan. [Tepuk]

Kerajaan juga bercadang untuk mewujudkan Kolej Komuniti dengan tujuan menyediakan peluang pendidikan lepasan menengah yang lebih luas. Kolej ini bukan hanya memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, tetapi juga membina keyakinan diri dan bersikap kosmopolitan. Sikap ini penting bagi mencapai kecemerlangan kerjaya dalam masyarakat berbilang bangsa dan membina kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa. Kolej Komuniti akan membolehkan pelajar-pelajar meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi, atau sekurang-kurangnya memiliki diploma, bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Kerajaan bercadang di mana sesuai, untuk mewujudkan Kolej Komuniti ini di setiap Kawasan Parlimen. [Tepuk]

(v) Meneruskan program Sosial dan Kesejahteraan dan Rakyat Serta Penjagaan Alam Sekitar

Tuan Yang di Pertua, Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang sentiasa prihatin dan menjadikan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat jelata sebagai agenda utama pembangunan. Peruntukan belanjawan akan dipertingkatkan kepada pembiayaan kemudahan kesihatan, pendidikan, perlindungan alam sekitar dan pembangunan luar bandar, terutamanya bekalan air dan elektrik serta jalan-jalan kampung. Bagi mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi terhadap golongan berpendapatan rendah, program bantuan kredit dan perumahan kos rendah dan sederhana serta subsidi dilaksanakan. Dengan usaha-usaha ini, kadar kemiskinan dijangka berkurangan kepada 5.5% atau 276 ribu keluarga menjelang tahun 2000. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah lupa kepada segolongan rakyat yang masih terpinggir dan ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi.

Kerajaan telahpun melaksanakan dasar untuk memberi subsidi bagi membantu golongan sasaran yang kurang mampu. Tanpa sokongan bantuan kewangan yang disediakan oleh kerajaan, golongan sasaran ini sudah pasti tidak mampu untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik, di samping menikmati pelbagai kemudahan asas yang disediakan. Jumlah subsidi yang akan dibiayai oleh kerajaan bagi tahun 2000 ialah sebanyak RM2.01 bilion berbanding dengan RM1.62 bilion bagi tahun 1999. [Tepuk]

Di antara subsidi yang disediakan, termasuk subsidi harga dan baja padi bagi meringankan beban petani-petani yang menghadapi peningkatan kos pengeluaran padi. Begitu juga, subsidi disediakan bagi mengekalkan harga runcit gas pada tahap yang munasabah. Di samping itu, bagi meringankan beban kewangan ibu bapa, Skim Pinjaman Buku Teks disediakan selain daripada bantuan pakaian murid, peralatan sekolah, yuran persekolahan dan bantuan makanan. [Tepuk] Sumber-sumber kewangan juga ditambah untuk membantu lebih ramai lagi murid lepasan sekolah mengikuti pelajaran lanjutan. Pada tahun

2000, seramai 309,300 penuntut akan layak mendapat pembiayaan oleh kerajaan untuk meneruskan pelajaran mereka ke institut pengajian tinggi berbanding dengan 189,400 penuntut bagi tahun 1999 iaitu merupakan pertambahan sebanyak 63%.

Kerajaan juga membuat pembayaran pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi supaya pengguna-pengguna tidak dibebankan dengan bayaran tol yang terlalu tinggi. Bagi membolehkan perkhidmatan kereta api yang lebih murah disediakan, khususnya untuk penumpang bagi laluan kereta api di Cawangan Pantai Timur, bayaran subsidi juga diberi kepada KTM.

Kerajaan akan memberi bantuan persekolahan sebanyak RM200 kepada setiap keluarga anak-anak pencarum PERKESO yang layak di bawah skim faedah orang tanggungan atau dengan izin, "*survivors pension*" dan setiap keluarga anak-anak orang berinsuran yang menerima "*invalidity pension*" atau bayaran berkala faedah hilang upaya kekal bagi tahun 1999. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM6 juta akan disediakan oleh PERKESO dan akan memberi manfaat kepada 30 ribu keluarga. Pemberian ini akan dapat meringankan beban kewangan mereka. Ini menunjukkan keprihatinan PERKESO terhadap orang-orang yang dilindungi dan tindakan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Televisyen memainkan peranan penting sebagai penyebar maklumat kepada rakyat jelata. Bagi menggalakkan masyarakat berbudaya maklumat, kerajaan sejak 1 April tahun ini telahpun memansuhkan bayaran lesen televisyen. [*Tepuk*]. Kerajaan terpaksa menanggung kehilangan hasil sebanyak RM43 juta setiap tahun berikutan langkah ini.

Kerajaan telah melaksanakan Program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan semenjak 1996 telah menyediakan sejumlah RM300 juta sebagai tabung pusingan. Ini bertujuan menggalakkan golongan termiskin berdikari dan menambahkan pendapatan mereka melalui aktiviti perniagaan kecil. Setakat ini, tabung pusingan AIM telahpun mengeluarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM289.8 juta kepada seramai 54,856 peserta. Sehingga kini, pembayaran balik pinjaman amat memuaskan iaitu pada tahap hampir 100%. Dalam tahun 2000, dijangkakan seramai 4,260 lagi peserta akan mendapat bantuan di bawah program ini. Di samping itu, Yayasan Tekun Nasional telah mengeluarkan pinjaman kepada 2,890 usahawan kecil bernilai RM8.7 juta di 17 kawasan sehingga kini.

Bagi pekebun kecil getah yang telah terjejas pendapatan oleh kemerosotan harga, kerajaan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk memastikan harga getah dapat dikekalkan pada paras yang berpatutan. Kerajaan juga telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan kerajaan Thailand, bagi memastikan harga getah lebih stabil. Untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah, sejumlah RM201 juta disediakan untuk RISDA bagi melaksanakan program tanaman semula getah yang melibatkan keluasan 45 ribu hektar pada tahun 2000. Di samping itu, Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil dengan dana sebanyak RM120 juta akan ditubuhkan untuk memberi pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil untuk menjalankan kegiatan ekonomi sampingan seperti tanaman kontan, ternakan, pemerosesan makanan dan minuman serta kegiatan kraftangan. Selain daripada itu, peruntukan secara pinjaman berjumlah RM80 juta kepada RISDA akan disediakan bagi memperkenalkan dan menggalakkan pekebun kecil menggunakan kaedah baru Sistem Alat Torehan Kekerapan Rendah (LITS) dan daripada jumlah ini, RM6 juta akan disediakan bagi tahun 2000. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah.

Sebagai langkah jangka panjang, kerajaan akan mewujudkan tabung berjumlah RM1 bilion yang akan disalurkan sebagai pinjaman mudah kepada RISDA untuk

melaksanakan program tanaman semula getah secara komersil. Ses tanam semula getah akan dimansuhkan sebaik sahaja tabung ini ditubuhkan.

Kerajaan sedar bahawa kemiskinan bukan sahaja terdapat di luar bandar tetapi juga di bandar. Untuk menangani masalah kemiskinan di bandar dengan lebih berkesan, kerajaan akan menubuhkan Pusat Rahmat. Ianya akan merupakan satu pusat setempat yang memberi khidmat nasihat dan panduan bagi mendapatkan kemudahan sedia ada kepada kumpulan sasar. Pusat Rahmat yang pertama akan beroperasi di Kuala Lumpur.

Kerajaan menyedari bahawa terdapat golongan rakyat, terutamanya pesara serta wargatua, yang bergantung kepada simpanan sebagai sumber pendapatan, menghadapi kesempitan kerana kadar faedah yang rendah sekarang. Bagi membantu mereka, kerajaan akan mengeluarkan Bon Simpanan Malaysia berjumlah RM2 bilion iaitu RM1 bilion berasaskan bon konvensional dan RM1 bilion lagi berasaskan prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada pelaburan mereka berbanding dengan pulangan daripada deposit dalam sistem perbankan. *[Tepuk]*

Di samping itu, sebagai langkah jangka panjang untuk menjamin kesejahteraan wargatua, saya mencadangkan supaya premium anuiti yang dibeli melalui skim anuiti yang dianjurkan oleh KWSP diberi pelepasan cukai pendapatan maksimum, 1,000 ringgit. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil berat terhadap usaha memperkukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan umat Islam negara ini. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM169.2 juta di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) disediakan bagi melaksanakan program pembangunan secara lebih bersepadu, termasuk program pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial. JAKIM juga akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha memajukan ekonomi masyarakat Islam. Untuk itu, JAKIM akan membantu majlis dan Jabatan Agama Negeri dalam pembangunan tanah wakaf dan Baitulmal serta mempertingkatkan pengurusan dan kutipan zakat. Di samping itu, program pemulihan dan pemurnian akidah akan terus diberi keutamaan. Program Kelas Al Quran dan Fardhu Ain akan dipergiatkan untuk meliputi seluruh murid di peringkat sekolah rendah. Sebanyak RM67.7 juta disediakan di bawah Kementerian Pendidikan untuk Program Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral. *[Tepuk]* Sejumlah RM78.4 juta pula disediakan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membina Kompleks Darul Quran, membina dan mengubahsuai masjid dan sekolah agama.

Mulai tahun 1999 sehingga tahun 2003, kerajaan telah bersetuju memberi sumbangan bantuan tahunan berjumlah RM300 ribu kepada Institut Profesional Baitulmal (IPB). Ini bagi membolehkan IPB meningkatkan usaha membantu pelajar yang tidak mampu mendapatkan pendidikan profesional seterusnya. Selain daripada itu sebanyak RM1 juta telah diberikan melalui JAKIM untuk membiayai Program Latihan Guru Yayasan Islam Kelantan. *[Tepuk]* Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru agama dan sekali gus akan meningkatkan kualiti pendidikan di kalangan pelajar.

Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bertanggungjawab mempunyai peranan yang penting di dalam memperkukuhkan agenda pembangunan sosial negara. Bagi membolehkan mereka bergerak lancar dan dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM45 juta bagi tahun 2000. Daripada jumlah ini, sebanyak RM15.6 juta adalah bagi kegiatan belia dan RM9.1 juta untuk aktiviti sukan. Memandangkan pentingnya badan-badan NGO yang terlibat dengan kebajikan orang-orang cacat, kanak-kanak dan wargatua, sebanyak RM17.9 juta diperuntukkan.

Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada peningkatan taraf hidup dan kesihatan rakyat. Usaha kerajaan ke arah ini telahpun berjaya menurunkan kadar kematian bayi kepada 8.3 bayi untuk 1,000 kelahiran pada tahun 1998, iaitu satu kadar yang semakin

mendekati kadar 7 bayi untuk 1,000 kelahiran yang dicapai oleh negara-negara maju pada tahun yang sama. Ianya jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kadar 50 bayi untuk 1,000 kelahiran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi tahun 2000. Jangka hayat hidup rakyat juga telah meningkat kepada 72 tahun pada tahun 1997 berbanding dengan kadar 77.7 tahun yang dicapai oleh negara-negara maju pada tahun yang sama.

Untuk terus memperbaiki taraf dan mutu perkhidmatan kesihatan perubatan kepada semua lapisan masyarakat, sejumlah RM3.42 bilion telahpun disediakan di bawah RMK-7 untuk membiayai projek-projek pembangunan kesihatan. Dari jumlah ini, sebanyak RM2.51 bilion telahpun disediakan setakat akhir tahun 1999 kepada Kementerian Kesihatan untuk membiayai pembinaan hospital, klinik-klinik dan rumah-rumah bidan baru di bandar dan di desa. Bagi tahun 2000, sebanyak RM908.2 juta lagi diperuntukkan, antara lain, untuk menyiapkan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan beberapa hospital termasuk di Kepala Batas, Bintulu, Slim River, Alor Setar dan Jeli, 10 buah klinik kesihatan dan 493 buah klinik desa dan rumah bidan serta 5 buah pusat latihan. Sebanyak 3,300 jawatan baru akan diwujudkan sementara sejumlah 1,053 jawatan kosong akan diisi bagi menampung permintaan perkhidmatan kesihatan awam yang meningkat.

Selaras dengan kesedaran untuk meningkatkan tahap kesihatan dan pendidikan bagi memperbaiki kualiti hidup rakyat, kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai skim insurans kesihatan dan pendidikan. Dengan ini, saya mencadangkan supaya pelepasan premium insurans pendidikan dan perubatan dinaikkan daripada maksimum RM2,000 kepada maksimum RM3,000. Selain dari ini, bagi meringankan lagi beban perbelanjaan pendidikan anak-anak, pencarum KWSP akan dibenarkan mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk tujuan pendidikan tinggi.

Berikutan daripada kegiatan pembangunan hartanah yang pesat pada beberapa tahun kebelakangan ini, kini terdapat lebih bekalan hartanah yang belum dijual bernilai RM39 bilion. Sebagai satu langkah untuk mengurangkan lebihan ini, kempen pembelian rumah telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta baru-baru ini bagi menggalakkan pembelian rumah. Ekoran daripada kejayaan kempen ini berserta dengan pemulihan ekonomi, bilangan pindahmilik hartanah telah meningkat 22.2% dalam tempoh separuh tahun pertama 1999 daripada separuh tahun kedua 1998. Dari segi nilai, ianya telah meningkat sebanyak 30.5%. Kempen pembelian kedua telahpun bermula pada pagi ini. Seperti dalam kempen pertama, semua jualan rumah dalam tempoh kempen ini akan dikecualikan duti setem atas suratcara pindahmilik. Kempen ini akan berakhir 7 Disember 1999. Kerajaan berharap pemaju tidak menjadi tamak dengan mengecilkan saiz rumah supaya dapat menambahkan kepadatan kawasan perumahan mereka. [Tepuk] Pusat Informasi Harta Tanah Negara juga telah ditubuhkan baru-baru ini di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta sebagai pangkalan data untuk memperolehi maklumat lengkap mengenai sektor hartanah bagi membolehkan perancangan jangka panjang sektor ini digubal dengan lebih teratur dan berkesan.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri, saya mencadangkan supaya tempoh pengecualian duti setem dilanjutkan selama dua tahun mulai 1 Januari 2000. [Tepuk] Bagi maksud ini, rumah yang bernilai kurang daripada RM75,000 diberi pengecualian sepenuhnya duti setem ke atas suratcara pindahmilik. Sementara bagi rumah yang bernilai RM75,000 hingga RM150,000 duti setem dikecualikan sebanyak 50%.

Kelulusan pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan telah meningkat 54% kepada 27,440 pemohon bernilai RM1.98 bilion pada akhir September 1999 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Sebagai langkah untuk menggalakkan lebih ramai kakitangan kerajaan memiliki rumah kediaman sendiri, saya mencadangkan syarat

pinjaman perumahan kakitangan kerajaan dari Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dilonggarkan seperti berikut:

- (i) syarat umur tidak kurang dari 25 tahun dibatalkan;
- (ii) pinjaman boleh dibuat selepas satu tahun berkhidmat dengan syarat mereka telah disahkan dalam jawatan;
- (iii) baki pinjaman untuk membeli rumah kediaman boleh diambil setelah bayaran pinjaman terdahulunya selesai; dan
- (iv) baki pinjaman boleh digunakan untuk kerja ubahsuai rumah selepas 5 tahun harta dibeli tanpa dikenakan syarat umur.

Cadangan tersebut berkuatkuasa serta merta. *[Tepuk]*

Pembinaan rumah kos rendah terus diberi keutamaan oleh kerajaan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM492 juta telah disediakan dalam Belanjawan 2000. Sebanyak 271.3 juta ringgit ialah untuk melaksanakan Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan RM200 juta untuk projek Perumahan Rakyat Bersepadu. Bakinya pula ialah untuk perbelanjaan bagi kerja-kerja P&P.

Di bawah Projek Perumahan Awam Kos Rendah, matlamat kerajaan ialah untuk membina 58,600 unit rumah dalam RMK7 yang melibatkan sebanyak 176 projek. Projek ini dilaksanakan melalui pinjaman kepada kerajaan negeri. Sehingga kini, sebanyak 13,307 unit rumah telah siap dan sebanyak 23,105 unit lagi dalam pembinaan, sementara 74 projek yang melibatkan 22,342 unit rumah sedang dalam proses pelaksanaan.

Bagi projek Perumahan Rakyat Bersepadu yang mula diperkenalkan di Bandaraya Kuala Lumpur, konsepnya akan dipanjangkan ke bandar-bandar besar yang lain. *[Tepuk]* Projek ini dijangka akan dapat membekalkan sebanyak 35,900 unit rumah dalam RMK-7. Setakat ini, 9 projek yang melibatkan 14,248 unit rumah sedang dalam pembinaan, sementara 9 projek yang melibatkan pembinaan 12,620 unit rumah adalah dalam peringkat tender. Lapan projek yang melibatkan 9,026 unit rumah masih dalam perancangan.

Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat di desa, peruntukan sejumlah RM1.36 bilion disediakan dalam tahun 2000 berbanding dengan RM1.12 bilion dalam tahun 1999. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM137.4 juta adalah untuk membiayai projek-projek ekonomi desa, RM273.7 juta bagi kemudahan kesihatan luar bandar, RM252.5 juta untuk pembinaan jalan-jalan luar bandar dan kampung, RM129 juta untuk bekalan air dan RM290 juta untuk bekalan elektrik khususnya di Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM184 juta juga diperuntukkan bagi program-program pembangunan di bawah Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk kemudahan asas di estet-estet. *[Tepuk]*. Bagi kampung-kampung baru, peruntukan sebanyak RM30 juta diluluskan di bawah RMK-7. Bagi tahun 2000, peruntukan sebanyak RM6.9 juta disediakan untuk pembangunan "*in situ*" bagi projek-projek kemudahan asas di kampung-kampung baru. Ini bagi menjamin masyarakat kawasan perkampungan baru terus menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan air, elektrik dan rekreasi.

Bagi masyarakat Orang Asli, sebanyak RM30.9 juta disediakan, termasuk RM7 juta untuk bantuan persekolahan. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan biasiswa kepada lebih kurang 120 orang pelajar Orang Asli di IPTA tempatan yang bernilai kira-kira RM300 ribu. Sejumlah RM396 ribu disediakan untuk menambah kadar elaun untuk Tok Batin. Selain dari itu, peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 juta disediakan untuk kemudahan lain. *[Tepuk]*

Bagi membendung tekanan inflasi, langkah-langkah akan terus dilaksanakan bagi menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan, di samping mempelbagaikan sumber

import. Usaha-usaha menggalakkan penerokaan ikan laut dalam telah meningkatkan lagi hasil penangkapan ikan negara. Pengeluaran padi pula, ditingkatkan melalui peningkatan produktiviti dengan penggunaan sumber-sumber pertanian yang efisien. Di samping itu, kawasan baru bagi aktiviti pertanian, terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan akan juga disediakan. Kerajaan menggesa supaya penggunaan barangan keluaran tempatan dipertingkatkan.

Sebagai langkah jangka pendek untuk menambah bekalan makanan serta memastikan harga makanan kekal rendah, saya mencadangkan duti import ke atas 43 jenis barangan makanan, di mana duti importnya di antara 5% hingga 20%, dihapuskan. [Tepuk] Contoh barangan makanan ini adalah ketam, udang dan sotong yang segar dan diproses, ikan sardin, tenggiri dan bilis yang diproses, susu, mentega dan minyak sapi. Saya juga mencadangkan duti import ke atas 136 jenis barangan makanan, sama ada yang segar, kering atau diproses dikurangkan daripada di antara 5% hingga 20% kepada di antara 2% hingga 12%. Langkah ini mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak RM52 juta. Adalah diharapkan dengan penurunan duti import ini, harga barangan pengguna juga hendaklah diturunkan dan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan daripada penurunan ini.

Langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan usaha pembangunan ditumpukan kepada penjagaan dan perlindungan alam sekitar. Ini bertujuan memastikan pengurusan sumber alam dapat menjamin pembangunan yang mampan dan seimbang. Dalam tahun 2000, sebanyak RM15 juta diperuntukkan bagi projek-projek utama termasuk pembinaan Institut Kemahiran dan Latihan Alam Sekitar di Bangi. Sebanyak RM4.4 juta bagi program promosi kesedaran pendidikan dan sebaran maklumat alam sekitar dan sebanyak RM11.8 juta bagi projek perolehan kemudahan bagi pengawasan pencemaran alam sekitar.

Kerajaan menyanjung tinggi penglibatan dan komitmen wanita dalam arus perdana pembangunan negara. Kita sentiasa berlaku adil dalam pengagihan peluang pekerjaan dan tidak berasaskan paras rupa. [Tepuk] Kemajuan yang telah dicapai oleh wanita di dalam berbagai bidang kegiatan amat terserlah. Dari segi peluang pendidikan tinggi, jumlah penuntut wanita di institusi pengajian tinggi adalah lebih 50% daripada jumlah keseluruhan enrolmen. Dalam kumpulan pengurusan dan profesional di sektor perkhidmatan awam pula, hampir 43% daripada mereka adalah terdiri daripada kaum wanita. Di dalam negara kita, sudah pun ada beberapa pegawai wanita yang dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian-kementerian. [Tepuk] Beberapa orang wanita Malaysia juga sehingga kini telah dilantik menjawat beberapa jawatan penting di peringkat antarabangsa. [Tepuk]

Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada hal ehwal wanita supaya kebajikan mereka sentiasa mendapat keutamaan. Bagi tujuan ini, kerajaan akan meneruskan satu program latihan pengurusan dan keusahawanan wanita. Pada masa yang sama kerajaan sedar bahawa masih terdapat segolongan wanita yang kurang bernasib baik, yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga, penderaan serta pengabaian. Untuk membolehkan mereka menikmati dan menyertai peluang-peluang pembangunan serta dapat berdikari, pelbagai program dan projek kebajikan dan kekeluargaan seperti Pusat Perlindungan Wanita telah pun ditubuhkan. Di samping itu, sebuah Panel Sokongan Ekonomi di bawah Program Ibu Tunggal Waja telah ditubuhkan untuk memastikan ibu-ibu tunggal mendapat latihan, khidmat nasihat dan bantuan untuk menjalankan perniagaan ataupun untuk mendapatkan pekerjaan. Untuk melatih wanita mendapatkan kemahiran dalam bidang perniagaan, usaha dijalankan oleh Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negara dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan wanita.

Sejumlah RM44.6 juta disediakan untuk program-program pembangunan belia. Antara program yang diberi penekanan khas ialah Program Rakan Muda yang bertujuan

membanteras gejala sosial yang tidak diinginkan di kalangan remaja kita dan Program Khidmat Sosial yang bertujuan membina kecemerlangan diri dan membentuk perilaku yang baik di kalangan anak muda lepasan sekolah. Program untuk membangunkan kepimpinan juga digalakkan dengan meningkatkan minat lebih ramai lagi anak muda untuk menjadi ahli NGO belia dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan berguna serta memberi peluang membangunkan kebolehan kepimpinan anak-anak muda.

Kita amat berbangga dengan kejayaan negara menganjurkan Sukan Komanwel Ke Enam Belas. Ini merupakan pertama kalinya sukan berprestij tersebut dianjurkan oleh sebuah negara Asia. Negara kita juga telah menjadi naib johan dalam Sukan SEA yang diadakan di Brunei baru-baru ini. Sekali lagi, kita diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada Sukan ini pada tahun 2001. Sejumlah RM38 juta dijangka akan diperlukan untuk menganjurkan sukan tersebut. Di samping itu, kerajaan telah menawarkan diri untuk menganjurkan satu lagi sukan antarabangsa terbesar di Asia iaitu Sukan Asia 2006. Tawaran bagi menganjurkan sukan-sukan tersebut adalah wajar bagi membolehkan kemudahan sukan bertaraf dunia dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya. Kejayaan kita menganjurkan upacara-upacara tersebut akan meningkatkan minat rakyat kepada kegiatan sukan dan selanjutnya akan menarik pelabur untuk mengambil peluang menceburi bidang pengeluaran alat-alat sukan. Di samping itu, untuk menggalakkan semua rakyat jelata supaya mengamalkan Budaya Sukan dalam kehidupan harian, sejumlah RM44.1 juta disediakan untuk pelbagai program sukan.

Malaysia sekali lagi mencatat sejarah dan membuktikan kebolehan dan keupayaan dalam mengadakan acara-acara bertaraf dunia dengan menganjurkan Perlumbaan *Formula One* dengan begitu jayanya. Sirkuit *Formula One* di Sepang merupakan salah satu daripada 16 sirkuit di dunia dan yang kedua dibina di Asia selepas Jepun. Semua lapisan masyarakat telah turut menikmati manfaat yang amat besar berikutan penganjuran perlumbaan ini. Perlumbaan tersebut memberikan pulangan dan faedah yang tidak ternilai dari segi memasarkan Malaysia sebagai pusat sukan antarabangsa dan pelancongan di dunia. Penganjuran sukan ini juga telah meningkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia sebagai pusat pelaburan di antara yang terbaik di rantau ini.

Kerajaan sentiasa bersedia membantu rakyat Malaysia yang berpotensi mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menyediakan bantuan pendahuluan sebanyak RM1.8 juta kepada Persatuan Penganjur dan Pelumba Sukan Bermotor Malaysia dalam usahanya melahirkan seorang anak Malaysia untuk bertanding di Sukan Bermotor yang termasyhur di dunia. Di samping itu, kerajaan telah memansuhkan cukai ke atas *go-kart* untuk menggalakkan penyertaan golongan muda. Kejayaan pelayaran solo seorang anak watan mengelilingi dunia baru-baru ini, adalah menjadi harapan kita supaya seorang lagi anak Malaysia akan dapat mencatat sejarah dengan menjadi peserta pertama dari Malaysia untuk bertanding di perlumbaan *Formula One* pada masa yang singkat. Negara telah berjaya menghasilkan seorang Dato' Azhar Mansor. Tidak ada sebab kita tidak boleh melahirkan jaguh-jaguh lain asalkan kita merencana dengan baik, berdisiplin, berdedikasi, bersungguh-sungguh dan bekerja keras. Kejayaan-kejayaan ini semestinya membanggakan rakyat serta memberi peransang dan menyemarakkan semangat untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Kerajaan yakin "Malaysia Boleh". [Tepuk]

Kerajaan sedar bahawa kemudahan kesenian dan kebudayaan yang unggul dan canggih merupakan satu tarikan kepada pelabur dan pelancong asing ke negara kita. Justeru itu, pelbagai jenis kemudahan kesenian yang bermutu tinggi telah pun disediakan. Ini termasuk Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Oditorium Filharmonik Petronas, sementara Orkestra Simfoni Petronas yang bertaraf antarabangsa telah pun ditubuhkan.

Kerajaan telah memperuntukkan masa siaran yang lebih banyak untuk program-program tempatan supaya slot dalam TV dapat diagihkan secara adil kepada penerbit-

penerbit dan artis-artis tempatan. Di samping itu, saya mencadangkan pengecualian cukai yang diberikan ke atas pendapatan yang diterima dari penggubahan lagu dinaikkan daripada RM12 ribu kepada RM20 ribu setahun.

Kerajaan sedar bahawa kejayaan pembangunan negara tidak akan tercapai tanpa sokongan padu daripada kakitangan perkhidmatan awam. Dedikasi dan komitmen yang telah ditunjukkan dalam mengharungi kegawatan yang lalu, membolehkan negara kembali berada di landasan pertumbuhan yang semakin mantap. Kerajaan akui sumbangan semua kakitangan perkhidmatan awam dalam menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan projek, beberapa peraturan pentadbiran telah dilonggarkan untuk memudahkan pengurusan di peringkat kementerian dan jabatan melaksanakan projek-projek pembangunan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan supaya semua kakitangan awam dapat meneruskan dedikasi dan komitmen cemerlang ini pada tahun-tahun mendatang.

Kerajaan menghargai peranan yang telah dimainkan oleh pasukan keselamatan, khususnya polis dan tentera. Mereka telah dapat mengekalkan ketenteraman dan keamanan di negara ini, walaupun terdapat golongan tertentu yang cuba membangkitkan keadaan huru-hara dan mengganggu kestabilan politik melalui demonstrasi serta perhimpunan-perhimpunan haram. Kestabilan politik dan keharmonian masyarakat adalah faktor penting kepada kemajuan negara. Jika wujud kekacauan, kita tidak boleh memberi tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan. Kerajaan mengucapkan berbilang terima kasih di atas perkhidmatan cemerlang dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh pasukan keselamatan kita. Kerajaan juga ingin merakamkan penghargaan kepada kesatuan sekerja, terutamanya MTUC dan CUEPACS yang telah membantu di dalam usaha memulihkan ekonomi dan mengekalkan keharmonian hubungan antara pekerja dan majikan.

Sebagai tanda penghargaan dan sanjungan kepada semua kakitangan kerajaan yang telah berkorban dan berbakti, kerajaan akan membuat bayaran bonus bagi tahun 1999 [*Tepuk*] sebanyak maksimum satu bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 [*Tepuk*] termasuk RM600 yang diberikan dahulu. Untuk membantu meringankan kos sara hidup kakitangan kerajaan golongan rendah, kerajaan akan meningkatkan kadar imbuhan perumahan mereka sebanyak 50% [*Tepuk*]. Kerajaan juga telah bersetuju menaikkan gaji pokok sebanyak 10% [*Tepuk*] mulai 1 Januari 2000 bagi semua kakitangan kerajaan. Kesemua ini akan melibatkan tanggungan sebanyak RM1.3 bilion. Kerajaan yakin ini boleh ditampung dari peningkatan hasil berikutan pemulihan ekonomi. Dalam hal ini, saya juga menggesa syarikat-syarikat swasta yang telah membuat keuntungan dalam tahun ini memberi bonus kepada kakitangan mereka [*Tepuk*] memandangkan keuntungan tahun ini tidak dikenakan cukai. Hasrat kerajaan bukan semata-mata menambahkan pendapatan dengan memberi kenaikan gaji, tetapi untuk meningkatkan kuasabeli sebenar rakyat dengan meningkatkan produktiviti di samping membendung inflasi. Oleh yang demikian, kita perlu melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan produktiviti.

Kerajaan juga sentiasa berpegang kepada prinsip pentadbiran bersih. Dalam hal ini, penyelewengan yang boleh membawa kepada kehancuran nilai-nilai kemasyarakatan dan maruah negara akan sentiasa dibendung, sama ada dalam pentadbiran awam atau swasta. Kerajaan tidak menafikan yang amalan rasuah bukan hanya wujud di kalangan kakitangan kerajaan, namun pihak swasta juga terlibat, walaupun kerajaan sentiasa menekankan kepada pengurusan yang lebih bertanggungjawab. Oleh kerana itu, undang-undang mencegah rasuah diperketatkan. Kerajaan terus membanteras penyelewengan penggunaan kuasa di segenap peringkat, supaya dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat niaga sama ada tempatan atau antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan strategi-strategi Belanjawan ini, insya-Allah ekonomi negara diramalkan akan berkembang lebih mantap pada kadar 5% pada tahun 2000, iaitu tahun terakhir bagi RMK-7. Pertumbuhan ini akan didorong terutamanya oleh

kegiatan ekonomi dalam negeri yang semakin meningkat, kesan sepenuhnya dari langkah-langkah menangani krisis kewangan yang sedang dilaksanakan. Arah aliran perdagangan dan ekonomi dunia yang terus kukuh serta keadaan ekonomi serantau yang mula pulih, dijangka mencerahkan lagi prospek ekonomi Malaysia.

Selaras dengan perkembangan ini, sektor swasta perlu menjadi jentera penggerak untuk merencanakan kembali aktiviti ekonomi dan menerajui semula pertumbuhan ekonomi negara. Insentif-insentif dalam Belanjawan 2000 dirangka untuk menyokong dan mendorong sektor swasta memainkan peranan penting ini. Dengan demikian, pihak swasta hendaklah merebut peluang dengan membuat pelaburan yang dapat memantapkan kualiti keluaran mereka, meningkatkan kecekapan pengurusan dan kemahiran tenaga kerja. Sektor swasta perlu mengambil langkah berani melakukan peralihan paradigma, daripada ekonomi berasaskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi). Sebagai bukti kesungguhan untuk melihat peralihan ini terlaksana, kerajaan akan memperuntukkan RM5 juta untuk menggubal Pelan Induk K-Ekonomi. Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan *Global Knowledge II* pada awal tahun 2000.

Kita menjangkakan sektor perkilangan akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi, sementara sektor-sektor ekonomi utama lain akan terus mencatat pertumbuhan positif. Prestasi sektor perkilangan dijangka meningkat sebanyak 8%, disokong oleh peningkatan permintaan dunia bagi barangan industri berorientasikan pasaran eksport. Manakala peningkatan pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri pula, didorong terutamanya oleh industri kelengkapan pengangkutan dan bahan-bahan binaan. Sektor pembinaan dijangka kembali pulih dengan kadar pertumbuhan 5% setelah mengalami penguncupan selama dua tahun berturut-turut. Sektor pertanian pula terus meningkat sebanyak 3.8%. Sejalan dengan pengukuhan sektor-sektor ekonomi utama ini serta peningkatan perbelanjaan permintaan dalam negeri, sektor perkhidmatan akan terus mantap pada kadar 5.3%.

Walaupun pengukuhan ekonomi akan turut mendorong meningkatkan permintaan untuk bekalan import, namun begitu, nilai import dijangka lebih rendah berbanding eksport. Oleh demikian, negara dijangka terus mencatat lebihan yang besar dalam akaun semasa imbalan pembayaran sebanyak RM35.8 bilion pada tahun 2000 atau 12.1% daripada KNK. Lebihan ini menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi tempatan mampu dibiayai oleh sumber-sumber dalam negeri. Ini akan memperkukuhkan lagi daya saing dan ketahanan negara. Di samping itu, inflasi akan terus dikawal pada paras yang rendah. Kadar pengangguran pula dijangka kekal pada kadar 3%.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan terus menyokong pemulihan ekonomi. Setelah mengambil kira kehilangan hasil dari langkah-langkah cukai yang dicadangkan sebanyak RM1.1 bilion serta tambahan perbelanjaan mengurus berikutan kenaikan gaji dan elaun imbuhan perumahan sebanyak RM1.3 bilion defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah sedikit kepada lebih kurang 5% dalam tahun 2000. Kerajaan akan memastikan defisit dikekalkan pada paras terkawal dan mapan. Bagi tujuan ini, penekanan akan diberikan kepada disiplin pengurusan kewangan yang lebih berhemat.

Sungguhpun selama lebih dua tahun negara telah berhadapan dengan krisis kewangan serantau, namun kerajaan terus gigih untuk mencapai hasrat murni bagi meningkatkan martabat negara mencapai tahap negara maju, seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020. Pencapaian purata pertumbuhan bagi tempoh 1991 hingga 1999 menunjukkan kita tidak jauh ketinggalan daripada matlamat asal pertumbuhan 7% setahun di bawah Wawasan 2020. Kerajaan yakin dengan gembleran usaha bersama, hasrat murni ini akan tercapai juga, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, selain krisis ekonomi, negara juga sedang melalui suasana politik yang agak berbeza. Tiba-tiba budaya kita diresapi perbuatan membakar tong-tong sampah dan telefon awam, mengancam serta menyerang anggota keselamatan di Kuala Lumpur. Laman web dan ceramah politik mencetuskan perasaan membenci terhadap kepimpinan negara. Perbuatan memfitnah berleluasa, pembohongan demi pembohongan bersebaran. Yang anehnya ada pihak pembangkang mencadangkan supaya berhenti membuat fitnah selama empat bulan. *[Ketawa][Tepuk]* Ini satu nasihat yang ganjil. Tidak ada agama di dunia ini yang membenarkan sama sekali penganutnya membuat fitnah. Islam menganggap perbuatan memfitnah itu lebih buruk dari membunuh. Di samping itu, mereka juga menghalalkan penggunaan kata-kata lucah. Ada yang keluar negara untuk memburuk-burukkan imej Malaysia dan berbohong mengenai keadaan sebenar dalam negara; kononnya Malaysia tidak demokratik, tiada kebebasan berucap atau tiada kebebasan media. Apa akan terjadi kepada negara sekiranya amalan memfitnah, membohong dan mencarut menjadi budaya kita? *[Tepuk]*

Semuanya ini berlaku dalam masa kestabilan politik amat penting bagi negara dalam usaha mengatasi kemelesetan ekonomi. Sepatutnya dalam saat negara sedang berdepan dengan keadaan yang paling kritikal berikutan krisis ekonomi, seluruh rakyat perlu bersatu padu berganding usaha, berdiri teguh menyokong kerajaan menangani krisis ini. *[Tepuk]* Persengketaan dan perpecahan di kalangan rakyat akan hanya menggagalkan usaha kerajaan. Kita tidak rela kejayaan yang telah dicapai selama empat dekad yang lalu, dihancurkan-musnahkan oleh pihak yang menggunakan segala muslihat dan tipu daya untuk mencapai hasrat peribadi mereka. Mereka hanya mencari helah untuk memburukkan lagi kemelut politik dengan tujuan menakutkan pelabur asing dan pelancong. Mereka mahu kerajaan gagal memulihkan ekonomi. Mereka mahu rakyat menderita dan akhirnya membenci kerajaan. Rakyat Malaysia lebih pandai daripada pihak pembangkang. *[Tepuk][Sorak]* Saya percaya mereka akan menolak pembangkang dan terus menyokong kerajaan. *[Tepuk][Sorak]*

Pada mulanya, mereka menggembar-gemburkan isu projek mega sebagai satu pembaziran. Selepas itu, mereka membangkitkan pula isu kronisme dan nepotisme. Tetapi apabila kerajaan berjaya menangkis tohmahan dan dapat membuktikan bahawa semuanya tidak berasas, mereka menimbulkan pula isu-isu lain. Kita sangsi apakah isu sebenar perjuangan mereka? Mengapa perlu mereka mengungkit-ungkit isu-isu yang terbukti tidak berasas sama sekali untuk dijadikan modal politik?

Sikap PAS dan DAP tidak ada beza dari anasir-anasir asing. *[Tepuk]* Mereka tidak langsung membantu negara menyelesaikan kegawatan ekonomi. Malah, apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara menjadi kritik dan disalahkan. Nada kritikan mereka pula menyerupai nada pihak asing yang menghentam dasar-dasar kerajaan. *[Tepuk][Sorak]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Hoi, duduk! Duduk!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Nang bo tinang', duduk....

Tuan Yunus bin Rahmat: DAP, duduklah!

Seorang Ahli: Duduk, duduk! Duduk, duduk!

Tuan Chang Kon You: DAP bodoh! DAP bodoh, bodoh!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Hei, Apek!

Seorang Ahli: Duduk, duduk!

Seorang Ahli: Duduklah, tunggu bahaslah.

Seorang Ahli: Hoi, kacau lagi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hoi, tunggu bahaslah, duduk!

Seorang Ahli: Duduk, duduk!

[Beberapa Ahli menyampuk dan bersorak]

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* Minta jalan.

Tun Dato' Daim bin Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Tun Dato' Daim bin Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Hari Isnin.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Sorak]*

Tun Dato' Daim bin Zainuddin: Perbuatan dan tindakan mereka ini seolah-olah tidak ingin melihat ekonomi negara kembali pulih *[Tepuk][Sorak]* dan rakyat menikmati kesenangan. Tindakan mereka memboikot dan tidak menyertai MAPEN Dua menunjukkan sekali lagi mereka hanya cuba *[Tepuk][Sorak]* mempolitikkan langkah ini. Di manakah keikhlasan mereka untuk sama-sama memaju dan membina negara? *[Tepuk][Sorak]*

Alhamdulillah, sehingga hari ini, segala niat buruk pembangkang telah gagal dan ditolak oleh rakyat. *[Tepuk][Sorak]* Rakyat tidak akan tertipu dan tahu menilai apa yang baik untuk diri dan keluarga mereka. Saya percaya rakyat tidak mudah terpengaruh oleh politik berbentuk emosi yang tidak menguntungkan sesiapa. *[Tepuk]*

Kita tentunya sedar perjuangan mengajak rakyat membenci antara satu sama lain hanya akan menghalang usaha murni membangunkan negara. Kita perlu bersama berjuang mengekalkan perpaduan erat yang dicapai selama ini. Rakyat perlu terus menentang sebarang bentuk campurtangan oleh pihak asing untuk mempengaruhi kita mengikut kehendak dan rentak mereka. Kejayaan yang dicapai selama ini adalah kerana sokongan bulat rakyat, perpaduan erat, kestabilan politik dan dasar-dasar ekonomi yang berjaya sebelum ini, terutamanya Dasar Ekonomi Baru dan kini, Dasar Pembangunan Negara.

Kejayaan negara pada masa depan adalah terletak di atas bahu kita sendiri. Perjuangan kita belum selesai. Kita mesti bersatu padu kerana perjuangan negara adalah perjuangan bersama, gandingan usaha erat rakyat dan kerajaan. Kita mesti berwaspada dan berhati-hati dengan pengaruh asing yang tidak senang dengan kejayaan kita. Mereka hanya mahu menggagalkan sebarang tindakan kerajaan yang tidak mereka senangi. Mereka juga menentang tindakan kerajaan yang menjejaskan kepentingan golongan tertentu, sungguhpun tindakan kerajaan itu adalah untuk kebaikan negara dan kesejahteraan rakyat. Robohnya Kota Melaka bukan kerana kekuatan penjajah tetapi perbuatan khianat rakyat sendiri. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini, belanjawan rakyat. Kerajaan komited untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin di kampung-kampung dan di celah-celah kemewahan kota. Kita sedar, ada yang bertungkus-lumus di pejabat dan kilang, ada yang berhujan, berpanas di sawah dan ladang, dan ada yang bersengkang mata memandu teks

dan bas untuk menyara keluarga. Mereka juga ingin hidup selesa. Justeru itu, Belanjawan ini digubal khusus memberi tumpuan kepada menjayakan aspirasi rakyat jelata. [Tepuk]

Teras pembangunan selama ini ditumpukan kepada usaha-usaha pengagihan pendapatan yang lebih saksama. Namun, kerajaan sedar masih terdapat jurang perbezaan. Dengan itu, kerajaan akan terus bertekad untuk mewujudkan lebih banyak peluang yang boleh menjana pendapatan. Terpulanglah kepada setiap rakyat untuk merebut peluang yang diberikan. Dengan disiplin yang tinggi, kegigihan, kesediaan bekerja keras dan sikap sanggup bertungkus-lumus, saya percaya rakyat akan menyahut seruan ini. Marilah kita sama-sama menuju kejayaan. [Tepuk]

Kerajaan Barisan Nasional konsisten dalam usaha menjayakan cita-cita negara dan hasrat rakyat. Hanya Kerajaan Barisan Nasional yang berpengalaman luas dan mempunyai, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "track-record" dalam mentadbir negara tercinta ini. Kita telah berjaya menempuh semua cabaran atau krisis, sama ada politik, ekonomi atau keselamatan, pada masa-masa yang lepas dan akan terus bertekad untuk memperjuangkan kepentingan semua rakyat. [Tepuk]

Kerajaan Barisan Nasional menekankan perpaduan rakyat. Kita menyemai dan memupuk semangat keyakinan diri, berdikari dan tabah hati dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran. Kita boleh mengatasi sebarang halangan dan dugaan selagi kita bersatu-padu dan tidak terpesong dengan tipu helah pihak yang tidak mementingkan negara tetapi hanya mementingkan diri sendiri. Kerajaan Barisan Nasional berani membuat keputusan. Kita berani kerana benar. Kita tidak takut membuat keputusan demi untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata. [Tepuk] Kita penuh percaya, kebenaran pasti terbukti. Itulah komitmen dan misi Kerajaan Barisan Nasional, 'untuk rakyat, demi rakyat'. [Tepuk]

Saya menyeru seluruh rakyat, di kota dan di desa, memperbaharui tekad dan azam untuk sama-sama kita bina negara tercinta. Sama-sama kita melangkah seiringan ke hadapan menuju ke arah kehidupan yang lebih gilang-gemilang. Kita yakin, kita mampu mencapai hasrat murni ini dengan gembleran ikhtiar dan muafakat, gandingan usaha dan tenaga serta keteguhan iman dan ihsan. Membujur lalu, melintang patah, [Tepuk] kita sanggup berkorban demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara. Bersama, bersatu, kita pasti bebas dan merdeka. Kita berdoa semoga Allah S.W.T melindungi negara kita serta merestui dan memberkati cita-cita kita. Mudah-mudahan, abad ke-21 akan memberi sinar harapan baru dan negara dilimpah-kurniakan kemakmuran, keamanan serta kesejahteraan. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. [Tepuk]

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Tun Dato' Daim bin Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang

Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan,"

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3) perbincangan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000 hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 1 November 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.